



Liberty
Insurance

Pelan Perlindungan Perniagaan
(BisPro)
Terma & Syarat

PELAN PERLINDUNGAN PERNIAGAAN

BAHAWASANYA Pihak Diinsuranskan melalui cadangan dan perakuan yang akan menjadi asas kepada kontrak ini dan disifatkan terkandung dalam perjanjian ini telah memohon kepada Syarikat bagi perlindungan insurans yang terkandung dalam dokumen ini dan sebagai balasan bagi pembayaran Premium Pertama oleh Pihak Diinsuranskan kepada pihak Syarikat.

MAKA DENGAN INI POLISI INI MENYAKSIKAN bahawa berhubung dengan kejadian yang berlaku semasa dalam Tempoh Insurans dan tertakluk pada kekecualian had-had dan syarat-syarat yang terkandung kemudian dari ini atau yang diendors selepasnya (selepas ini secara kolektif dikenali sebagai Terma-Terma Polisi ini).

SYARIKAT akan melalui pembayaran atau mengikut pilihannya dengan mengembalikan semula kepada keadaan asal atau membaik pulih **MENANGGUNG RUGI** pihak yang diinsuranskan pampasan terhadap kerugian atau kerosakan sebagaimana yang disebut kemudian dari ini dengan syarat dipersetujui bahawa liabiliti Syarikat hendaklah dalam apa jua keadaan melebihi Jumlah yang Diinsuranskan atau Had Liabiliti yang dinyatakan di bawah Seksyen/Seksyen-seksyen berkaitan yang diambil oleh Pihak Diinsuranskan.

SEKSYEN 1 – KEBAKARAN DAN ANCAMAN BERKAITAN

Apabila harta yang diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual atau mana-mana bahagian harta tersebut musnah atau rosak kerana Kebakaran atau Kilat atau disebabkan apa-apa Ancaman Berkaitan dengannya semasa dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual, maka Syarikat, akan tertakluk pada Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang terkandung dalam dokumen ini atau yang diendors padanya membayar atau melakukan yang setimpal dengan kerugian atau kerosakan kepada pihak yang diinsuranskan dengan syarat liabiliti Syarikat hendaklah tidak melebihi dalam apa keadaan pun berkaitan setiap item yang dinyatakan dalam Jadual yang hendak diinsuranskan selepas ini atau secara keseluruhannya Jumlah Keseluruhan Diinsuranskan dengan ini atau jumlah sedemikian yang boleh digantikan dengan itu melalui pengendorsan dalam dokumen ini atau dilampirkan bersama-sama ini ditandatangani untuk atau bagi pihak Syarikat.

Ancaman Berkaitan

1. Taufan, Ribut Siklon, Ribut dan Ribut Angin (Lebih: 1% daripada Jumlah Keseluruhan Diinsuranskan atau RM200.00 yang mana lebih rendah)
2. Peralatan Tangki Air atau Paip pecah atau melimpah tidak termasuk:
 - a) Kehilangan atau kerosakan yang berlaku semasa premis masih kosong.
 - b) Kehilangan atau kerosakan kerana limpahan air atau kebocoran daripada pemasangan penyembur air automatik.
 - c) RM1000.00** pertama bagi setiap dan semua kerugian di setiap premis berlainan, sebagaimana yang ditentukan melalui perkiraan purata, atau kadar pembahagian Syarikat untuk jumlah tersebut.

**Apabila jumlah yang diinsuranskan adalah kurang daripada RM50,000.00 jumlah lebihan ini boleh dikurangkan kepada 1% daripada jumlah yang diinsuranskan tertakluk pada suatu minimum sebanyak RM100.00.
3. Rusuhan, Mogok dan Kerosakan Berniat Jahat disebabkan oleh:
 - a) Tindakan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama yang lain dalam apa-apa kekacauan terhadap ketenteraman awam.
 - b) Tindakan mana-mana pihak-pihak berkuasa yang dilantik oleh undang-undang untuk menyekat atau cubaan menyekat apa-apa gangguan sedemikian atau meminimumkan akibat apa-apa gangguan sedemikian.
 - c) Tindakan sengaja oleh mana-mana pekerja yang mogok atau yang disekat masuk yang dilakukan sebagai susulan kepada mogok atau tentangan terhadap suatu sekat masuk.
 - d) Tindakan oleh mana-mana pihak-pihak berkuasa yang dilantik oleh undang-undang untuk menyekat atau cubaan menyekat apa-apa tindakan sedemikian atau dalam meminimumkan akibat daripada apa-apa tindakan sedemikian.
 - e) Tindakan berniat jahat oleh mana-mana orang sama ada tindakan tersebut dilakukan atau tidak ketika berlakunya gangguan terhadap ketenteraman awam.
4. Gempa Bumi dan Letupan Gunung Berapi

Kekecualian

Seksyen ini tidak melindungi:-

1.
 - a) Kehilangan kerana kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran.
 - b) Kerugian atau kerosakan harta disebabkan oleh pereputan sendiri, pemanasan semula jadi atau pembakaran spontan atau kerana melalui apa-apa proses pemanasan atau pengeringan.
 - c) Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau melalui atau diakibatkan oleh
 - i) Pembakaran harta atas arahan mana-mana pihak berkuasa awam.
 - ii) Kebakaran subteranean.
 - d) Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berbangkit daripada atau diakibatkan oleh atau disumbangkan daripada bahan-bahan senjata nuklear.
2. Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berbangkit daripada atau diakibatkan oleh atau disumbangkan daripada sinaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa sisa nuklear

daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan Syarat ini hanya pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear mampu diri.

3. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau melalui atau akibat daripada, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana daripada kejadian-kejadian yang berikut, iaitu:-
 - a) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, keganasan atau operasi bersifat peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.
 - b) Dahagi, rusuhan tentera atau kebangkitan awam, pemberontakan, penentangan, revolusi, rampasan kuasa atau ketenteraan, pemerintahan tentera atau keadaan darurat atau mana-mana kejadian tersebut atau sebab-sebab yang menentukan perisytiharan atau pengekalan undang-undang ketenteraan atau keadaan darurat.
4. Apa-apa liabiliti bagi kerugian atau kemusnahan atau kerosakan disebabkan oleh pencemaran atau kontaminasi kecuali (melainkan sebaliknya dikecualikan) kemusnahan atau kerosakan terhadap harta yang diinsuranskan disebabkan oleh:-
 - a) Pencemaran atau kontaminasi yang terhasil di luar jangkaan yang dengan ini diinsuranskan terhadapnya.
 - b) Apa-apa yang di luar jangkaan yang dengan ini diinsuranskan terhadapnya dengan ianya sendiri terhasil daripada pencemaran atau kontaminasi.
5. Melainkan sebaliknya dinyatakan dengan jelas dalam Polisi, Seksyen ini tidak melindungi:-
 - a) Barangan yang dipegang dalam amanah atau untuk tujuan komisyen.
 - b) Ketulan emas atau batu-batu permata cerai.
 - c) Apa-apa hasil seni atau abstrak yang jumlahnya tidak melebihi RM500.00.
 - d) Manuskrip, pelan, lukisan atau reka bentuk, corak, model atau acuan.
 - e) Saham, nota tanggungan atau dokumen daripada apa-apa bentuk, setem, duit syiling atau wang kertas, cek, buku akaun atau apa-apa buku perniagaan lain atau rekod sistem computer.
 - f) Arang batu, terhadap kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pembakaran spontan sendiri.
 - g) Bahan letupan.
 - h) Apa-apa kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau melalui atau akibat daripada: tetapi kerugian atau kerosakan letupan dandang domestik dan gas yang digunakan untuk iluminasi atau kegunaan-kegunaan domestik di dalam bangunan dengan gas tersebut tidak dijanakan dan tidak membentuk sebahagian daripada kerja-kerja melibatkan gas, akan disifatkan sebagai kerugian melalui kebakaran dalam lingkungan maksud Seksyen ini.
 - i) Apa-apa kerugian dan kerosakan disebabkan oleh atau melalui atau akibat daripada kebakaran, sama ada secara tidak sengaja atau sebaliknya, akan kebakaran hutan, semak, ladang, prairie, pampas atau belantara dan pembersihan tanah melalui pembakaran.
6. Insurans ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan kepada harta yang, pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan sedemikian, diinsuranskan oleh atau akan diinsuranskan tetapi disebabkan kewujudan Polisi ini, diinsuranskan oleh mana-mana Polisi atau Polisi-Polisi Marin melainkan yang berkaitan dengan apa-apa lebihan yang mengatasi jumlah yang boleh dibayar di bawah Polisi atau Polisi-polisi Marin sekiranya insurans ini tidak terjejas.

Syarat-syarat Polisi

1. Semua insurans di bawah seksyen ini
 - i) Ke atas mana-mana bangunan atau bahagian mana-mana bangunan
 - ii) Ke atas mana-mana harta yang terdapat di dalam mana-mana bangunan.
 - iii) Ke atas sewa atau perkara pokok insurans yang lain yang berkaitan dengan atau berhubung dengan mana-mana bangunan atau apa-apa harta yang terdapat di dalam mana-mana bangunan.

Akan terhenti serta-merta apabila berlaku apa-apa runtuh atau pemindahan

- a) Bangunan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya,
- b) Keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada bangunan atau apa-apa struktur yang membentuk bahagian bangunan tersebut.

DENGAN SYARAT bahawa runtuh atau pemindahan yang berlaku adalah secara menyeluruh atau sebahagian besar atau bahagian penting bangunan tersebut atau akan mengurangkan kegunaan bangunan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya atau menjadikan bangunan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya atau apa-apa harta di dalamnya yang terkandung dalam dokumen ini terdedah kepada peningkatan risiko kebakaran atau sebaliknya material.

DAN DENGAN SYARAT bahawa runtuh atau pemindahan tersebut bukan disebabkan oleh kebakaran, kerugian atau kerosakan yang dilindungi oleh Seksyen ini atau akan dilindungi jika bangunan yang seumpamanya, bahagian bangunan atau strukturnya diinsuranskan di bawah Seksyen ini.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding, beban bukti apa-apa runtuh atau pemindahan yang disebabkan oleh kebakaran seperti yang dinyatakan sebelum ini adalah atas Pihak Diinsuranskan.

2. Di bawah mana-mana keadaan-keadaan berikut insurans berkaitan harta yang terlibat akan berhenti melainkan pihak yang diinsuranskan, sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan, mendapatkan sanksi Syarikat melalui endorsmen ke atas Polisi, oleh atau bagi pihak Syarikat.

- a) Jika perdagangan atau pembuatan yang dilakukan diubah atau sifat semula jadi untuk menghuni atau keadaan-keadaan lain yang melibatkan bangunan yang diinsuranskan atau kandungan harta yang diinsuranskan diubah sedemikian rupa hingga meningkatkan risiko kerugian atau kerosakan kerana kebakaran.
 - b) Jika bangunan yang diinsuranskan atau mengandungi harta yang diinsuranskan tidak diduduki dan kekal sedemikian bagi tempoh lebih tiga puluh (30) hari.
 - c) Jika harta yang diinsuranskan dialih ke mana-mana bangunan atau tempat lain selain daripada yang dinyatakan untuk diinsuranskan dalam perjanjian ini.
 - d) Jika faedah harta yang diinsuranskan sebaliknya berpindah daripada Pihak Diinsuranskan melalui wasiat atau penguatkuasaan undang-undang.
 - e) Jika notis pengosongan oleh apa-apa arahan daripada Pihak Berkuasa Tempatan untuk rekuisisi atau pengambilan tanah tempat harta Pihak Diinsuranskan berada telah dikeluarkan.
3. Perlindungan Insurans di bawah Seksyen ini diperluas untuk memasukkan:-
- a) Upah pekerja-pekerja Pihak Diinsuranskan melainkan pekerja-pekerja sepenuh masa Jabatan Bomba dan Penyelamat.
 - b) Kos penggantian peralatan memadam kebakaran dan kemusnahan atau kerosakan bahan-bahan (termasuk pakaian dan peralatan peribadi pekerja) melainkan sebaliknya diinsuranskan secara spesifik.
 - c) Tuntutan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Dengan sentiasa menjadi syarat bahawa liabiliti Syarikat berkaitan upah, kos-kos dan caj-caj sebegini hendaklah terhad kepada yang perlu dan munasabah berlaku dalam usaha memadamkan kebakaran pada atau yang bersambung dengan harta yang diinsuranskan oleh Seksyen ini atau sangat mengancam akan melibatkan harta tersebut.

4. Jika harta yang dengan ini diinsuranskan hendaklah, ketika berlakunya apa-apa kebakaran, secara kelompok lebih besar nilainya daripada jumlah yang diinsuranskan padanya, maka Pihak Diinsuranskan hendaklah disifatkan sebagai Penanggung Insurans sendiri bagi perbezaan nilai tersebut dan hendaklah menanggung sebahagian daripada kadar yang sewajarnya bagi kerugian tersebut. Setiap item, jika lebih daripada satu di bawah Seksyen ini hendaklah secara berasingan tertakluk pada Syarat ini.
5. Sekiranya berlaku suatu kerugian, insurans menurut perjanjian ini hendaklah dikekalkan berkuat kuasa bagi jumlah penuh yang diinsuranskan dan pihak yang diinsuranskan perlu bertanggungjawab membayar suatu premium tambahan pada kadar yang dinyatakan dalam Polisi yang dikira berasaskan jumlah purata kerugian dari tarikh berlakunya kerugian tersebut hingga tarikh tamat tempoh semasa insurans.

SEKSYEN 2 – SEMUA RISIKO

Harta yang diinsuranskan yang dinyatakan secara spesifik dalam Jadual atau mana-mana bahagian daripadanya sekiranya hilang atau rosak disebabkan apa-apa kemalangan atau musibah semasa harta yang dinyatakan berada dalam keadaan risiko yang dinyatakan dalam Jadual, maka Syarikat tertakluk pada terma-terma kekecualian dan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian ini atau yang diendors pada dokumen ini membayar atau memberikan yang setimpal dengan kerugian atau kerosakan kepada pihak yang diinsuranskan dengan syarat bahawa Syarikat hendaklah dalam apa-apa keadaan pun berkaitan setiap item tidak melebihi jumlah yang akan diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual padanya atau dengan ini secara keseluruhannya Jumlah Keseluruhan Diinsuranskan atau apa-apa jumlah atau jumlah-jumlah tersebut yang boleh digantikan dengannya melalui pengendorsan pada dokumen ini atau dilampirkan bersama-sama ini yang ditandatangani untuk dan bagi pihak Syarikat.

Kekecualian

Seksyen ini tidak melindungi:-

1. Kerugian atau kerosakan disebabkan haus dan lusuh, susut nilai, karat, pengoksidaan, penyusutan yang beransur-ansur, kulat berkulapuk, vermin atau yang berkaitan dengan apa-apa proses pembersihan, pewarnaan, pembaikan, pemuliharaan atau pengubahsuaian apa-apa harta yang dengan ini diinsuranskan.
2. Kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau yang boleh dikesan kerana kecacatan mekanikal, kekalutan mekanikal atau elektrik atau kerosakan mana-mana bahagian atau pincang tugas komponen elektrik bagi mana-mana harta yang dengan ini diinsuranskan.
3. Kehilangan atau kerosakan terhadap harta yang dihantar sebagai kargo di bawah bil muatan, bil penerbangan atau dokumen yang seumpamanya.
4. Kerosakan pada peti, beg-beg, kotak-kotak dan bekas-bekas lain dalam perjalanan, selain daripada kerugian sepenuhnya.
5. Goresan atau kemikan apa-apa bahan atau keretakan kaca, lensa-lensa, barangan kaca, barang tembikar, marmar, rekod-rekod gramafon, pita-pita rakaman, cakera-cakera padat, cakera laser dan/atau bahan-bahan lain yang bersifat rapuh, melainkan disebabkan oleh rompakan, kecurian dan/atau kebakaran.
6. Kehilangan atau kerosakan surat-surat ikatan, bon-bon, bil-bil pertukaran, nota-nota janji, cek-cek, wang, pingat-pingat, wang-wang syiling, setem-setem atau dokumen-dokumen lain yang bernilai.
7. Kerugian atau kerosakan akibat peperangan, pencerobohan, tindakan ganas musuh asing (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan tentera atau rampasan kuasa atau perampasan atau pemusnahan atas arahan mana-mana Kerajaan atau Kerajaan Tempatan.
8. (a) Apa-apa kemalangan atau apa-apa kerugian atau kemusnahan terhadap atau kerosakan kepada apa-apa harta pun atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan apa pun akibat kerana atau timbul daripada atau apa-apa kerugian berturutan.

- (b) Apa-apa liability perundangan daripada apa-apa sifat pun secara langsung atau tidak langsung menyebabkan atau menyumbang kepada oleh atau hasil daripada sinaran pengionan atau pencemaran kerana bahan radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan sisa nuklear hasil daripada pembakaran bahan api nuklear. Hanya untuk tujuan kekecualian ini sahaja, pembakaran hendaklah termasuk proses pembelahan nuklear mampu diri.
9. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pembakaran spontan atau kebocoran perenjis.
10. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau kerana atau melalui atau akibat banjir termasuk limpahan dari laut. Banjir, untuk tujuan kekecualian ini hendaklah bermaksud limpahan atau pelencongan daripada saluran pengaliran biasa sama ada saluran perairan semula jadi atau buatan manusia, pemecahan atau limpahan paip awam utama dan apa-apa limpahan lain atau pengumpulan air yang berpunca dari luar bangunan yang diinsuranskan atau mengandungi harta yang diinsuranskan.
11. Kerugian atau kerosakan disebabkan penenggelaman dan/atau turun naiknya tapak tempat bangunan itu didirikan atau tanah milik padanya atau gelongsoran tanah.
12. Kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kecurian yang tidak melibatkan kemasukan dan keluaran secara ganas dan paksa.

Tanggung rugi atau pampasan yang diberikan oleh Seksyen ini hendaklah tidak boleh diterima pakai bagi mahupun memasukkan apa-apa kemalangan, kerugian, kemusnahan, kerosakan atau liabiliti perundangan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau berbangkit daripada atau bahan-bahan senjata nuklear.

Syarat-syarat Polisi

1. Sekiranya berlakunya tuntutan kerana Kecurian, Pihak Diinsuranskan mesti menyediakan bukti yang sedemikian yang boleh memuaskan hati pihak Syarikat bahawa harta yang dibuat tuntutan benar-benar hilang disebabkan Kecurian tersebut dan bukannya sekadar hilang atau disalah letak.
2. Jika harta yang diinsuranskan hendaklah pada masa berlakunya apa-apa kejadian yang membolehkan tuntutan dibuat di bawah Seksyen ini secara terkumpulnya bernilai lebih tinggi daripada kadar yang diinsuranskan padanya, maka pihak yang diinsuranskan hendaklah disifatkan sebagai penanggung insurans sendiri bagi perbezaan nilai tersebut dan akan menanggung sebahagian daripada perkadaran kerugian tersebut dengan sewajarnya. Setiap perkara dalam Seksyen ini hendaklah secara berasingan tertakluk pada syarat ini.
3. Tiada satu apa pun yang terkandung dalam perjanjian ini hendaklah memberikan apa-apa hak bertentangan dengan Syarikat kepada mana-mana orang selain daripada Pihak Diinsuranskan dan, Syarikat tidak akan terikat dengan apa-apa pemindahan kepentingan pihak yang diinsuranskan melainkan kerana kematian, sekiranya dan sehingga Syarikat hendaklah melalui endorsmen dalam dokumen ini mengisytiharkan insurans diteruskan.

Fasal-fasal (Diterima pakai bagi Seksyen 1)

1. Bayaran Arkitek, Juruukur dan Pakar Runding

Insurans ke atas bangunan, loji dan jentera dengan ini diinsuranskan termasuk fi Arkitek, Juruukur dan Pakar Runding Kejuteraan bagi anggaran, pelan, spesifikasi, kuantiti, tender dan penyeliaan yang semestinya ditanggung ketika mengembalikan semula harta yang diinsuranskan berikutan kemusnahan atau kerosakannya oleh kebakaran atau apa-apa peril lain yang terhadapnya diinsuranskan, tetapi bukan fi yang sedemikian yang disediakan untuk apa-apa tuntutan menurut dokumen ini. Jumlah yang boleh dibayar bagi fi sedemikian hendaklah tidak melebihi jumlah yang dibenarkan di bawah skala Persatuan profesion yang berkaitan yang lazimnya dilakukan pada masa kemusnahan atau kerosakan, tertakluk pada liabiliti maksimum Syarikat bagi apa-apa kerugian kerosakan dan fi tidak melebihi jumlah yang diinsuranskan terhadap setiap item.

2. Fasal-fasal Kandungan lain

Adalah dipersetujui bahawa terma "Kandungan Lain" selagi tidak sebaliknya diinsuranskan difahami termasuklah:-

- a) Wang dan setem yang sebaliknya tidak diinsuranskan secara spesifik bagi jumlah yang tidak melebihi RM500.00.
 - b) Dokumen-dokumen, manuskrip-manuskrip dan buku-buku perniagaan tetapi hanya bagi nilai bahan-bahan tersebut sebagai alat tulis, bersama-sama dengan kos buruh perkeranian yang diperluas kepada penulisan, dan bukan untuk nilai diinsuranskan bagi maklumat yang terkandung dalam dokumen ini dan untuk jumlah yang tidak melebihi RM500.00 bagi mana-mana satu dokumen, manuskrip atau buku perniagaan.
 - c) Rekod sistem komputer tetapi hanya untuk nilai bahan-bahannya sahaja berserta dengan kos masa komputer bagi buruh perkeranian yang berlanjutan untuk menghasilkan semula rekod-rekod tersebut (tidak termasuk apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan penghasilan maklumat yang akan direkodkan dalam dokumen ini) dan bukan untuk nilai yang diinsuranskan bagi maklumat yang terkandung dalam dokumen ini bagi jumlah yang tidak melebihi RM500.00.
 - d) Paten-paten, model-model, acuan-acuan, pelan-pelan dan reka bentuk-reka bentuk, untuk nilai tidak melebihi RM500.00 untuk mana-mana satu paten, model, acuan, pelan atau reka bentuk.
 - e) Basikal pekerja-pekerja, pakaian, perkakasan dan barangan peribadi lain untuk suatu jumlah yang tidak melebihi RM500.00 untuk mana-mana satu orang Pekerja.
3. Fasal Kapital Tambahan

(Tidak boleh diterima pakai bagi stok dagangan atau barang dagangan mahu pun kepada insurans-insurans yang jumlah keseluruhan diinsuranskan adalah kurang daripada RM1,500,000.00)

Insurans ini dengan ini diperluas untuk melindungi pindaan, tambahan dan pembaikan (tetapi bukan peningkatan nilai lebihan jumlah yang diinsuranskan) terhadap harta yang diinsuranskan untuk suatu jumlah yang tidak melebihi 10% bagi setiap item daripada jumlah yang diinsuranskan untuk setiap item atau RM1,000,000.00 yang mana lebih rendah.

Pihak Diinsuranskan mengaku janji untuk memaklumkan kepada Syarikat setiap tiga bulan akan apa-apa pindaan, tambahan dan pembaikan sedemikian dan membayar premium tambahan yang bersesuaian padanya.

Fasal ini adalah tidak berkuat kuasa jika perakuan terhadap pindaan, tambahan dan pembaikan tersebut tidak diterima oleh penanggung insurans dalam masa 90 hari dari tarikh pindaan, tambahan dan pembaikan tersebut dilakukan.

Untuk tujuan Fasal ini, tarikh permulaan di bawah Waranti Premium hendaklah disifatkan sebagai tarikh perakuan diterima oleh Syarikat.

Nota: Sekiranya berlakunya terdapat lebih daripada satu lokasi, maka hadnya boleh dinaikkan kepada RM,000,000 dan jumlah ini menjadi had agregat untuk kesemua lokasi tersebut.

4. Fasal Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian)

Kerugian, jika ada, perlu dibayar kepada Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian) yang dinyatakan dalam Jadual sebagai faedah boleh dijelaskan dalam insurans ini, sebagai faedah Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hanya dalam dokumen ini, hendaklah tidak ditaksahkan oleh apa-apa tindakan atau pengabaian oleh Peggadai Janji (Peggadai) atau Pemilik harta yang disebutkan dalam dokumen ini tidak juga apa-apa penutupan atau prosiding lain atau notis penjualan berkaitan harta tersebut atau dengan menghuni premis tersebut untuk tujuan-tujuan yang lebih berbahaya daripada yang dibenarkan oleh Polisi ini, atau oleh kegagalan menghuninya atau oleh apa-apa peningkatan risiko lain yang berlaku di dalam harta tersebut yang diinsuranskan menurut dokumen ini, Dengan Syarat bahawa sekiranya Peggadai Janji (Peggadai) atau Pemilik akan cuai membayar apa-apa premium yang kena dibayar di bawah Polisi ini, Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah atas permintaan membuat pembayaran yang serupa. Dengan syarat juga bahawa Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah memaklumkan Syarikat akan apa-apa kegagalan menghuninya atau apa-apa pertukaran hak milik atau yang menghuni atau peningkatan bahaya yang sampai ke pengetahuan pihak Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian) dan melainkan dibenarkan oleh Polisi ini, hendaklah dicatatkan padanya dan pihak Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah berdasarkan permintaan membayar premium untuk peningkatan bahaya sedemikian untuk tempohnya, jika tidak Polisi ini akan terbatal dan tidak sah.

Dan adalah selanjutnya di persetujui bahawa apabila Syarikat hendak membayar kepada Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian) yang berkenaan apa-apa jumlah berkaitan kerugian atau kerosakan di bawah Polisi ini dan hendaklah menyatakan perkara tersebut kepada Peggadai Janji (Peggadai) atau Pemilik tidak wujudnya liabiliti sehingga waktu itu, Syarikat hendaklah menjadi subrogasi yang sah di sisi undang-undang bagi semua hak Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian) sehingga takat pembayaran tersebut tetapi tidaklah tuntutan menjejaskan hak Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian) yang berkenaan untuk mendapatkan semula jumlah penuh apa-apa tunggaknya daripada Peggadai Janji (Peggadai) atau Pemilik atau daripada mana-mana pihak atau pihak-pihak lain yang diinsuranskan menurut dokumen ini atau daripada apa-apa cagaran atau dana yang ada.

Fasal Tak Boleh Batal

Dan adalah selanjutnya dipersetujui bahawa pembatalan Polisi ini tidak boleh dikuatkuasakan oleh Pihak Diinsuranskan melainkan terlebih dahulu diberikan notis bertulis kepada Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian) dengan memberikan notis empat belas hari (14) ke alamat terakhir yang diketahui bagi Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian).

Nota: Apabila kepentingan adalah tentang Pemegang Gadaian dan Peggadai, perkataan di dalam kurungan disifatkan telah dimasukkan menggantikan Pemegang Gadai Janji dan Peggadai Janji.

5. Harga Kontrak

Adalah dipersetujui bahawa berkaitan dengan barangan yang telah dijual sahaja tetapi tidak dihantar dengan Pihak Diinsuranskan adalah bertanggungjawab dan berhubung dengan syarat-syarat jualan, kontrak jualan adalah dibatalkan atas sebab kebakaran atau apa-apa ancaman lain yang dengan ini diinsuranskan terhadapnya, sama ada sepenuhnya atau sehingga takat kerugian atau kerosakan, liabiliti Syarikat hendaklah berasaskan harga kontrak, dan untuk tujuan perkiraan nilai semua barangan yang sekiranya berlaku kemusnahan atau kerosakan fasal ini boleh diguna pakai, dengan asas yang serupa hendaklah digunakan.

6. Penepian Asas

Insurans ke atas bangunan (bangunan-bangunan) tidak termasuk bahagian mana-mana bangunan yang di bawah permukaan lantai tingkat paling bawah (dan bahagian asas konkrit untuk jentera yang mengunjur melepasi aras tersebut).

7. Sewaan

Insurans untuk Sewaan diterima pakai hanya jika (apa-apa daripada) bangunan (bangunan-bangunan) tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya tidak layak diduduki berikutan kebakaran atau apa-apa ancaman lain yang dengan ini diinsuranskan terhadapnya dan jumlah yang boleh dibayar hendaklah tidak melebihi bahagian jumlah yang diinsuranskan ke atas Sewaan bagi tempoh perlu yang tidak diduduki ditanggung oleh terma bagi insurans Sewaan.

8. Membaiki Semula bagi Mematuhi Keperluan Pihak Berkuasa Awam

Insurans ini diperluas untuk memasukkan kos tambahan bagi membaiki semula harta yang musnah atau rosak yang diinsuranskan padanya yang mungkin berlaku semata-mata atas sebab keperluan mematuhi Peraturan-peraturan Bangunan atau peraturan lain di bawah atau dalam kerangka menurut mana-mana Akta Kerajaan atau Undang-undang Kecil mana-mana Majlis Perbandaran atau Pihak Berkuasa Tempatan dengan syarat:-

i. Jumlah yang boleh diperoleh semula di bawah Peluasan ini hendaklah tidak termasuk:-

a) kos yang ditanggung untuk mematuhi mana-mana Peraturan atau Undang-undang Kecil yang disebut sebelum ini:-

i. berhubung dengan kemusnahan atau kerosakan yang berlaku sebelum peluasan ini diberikan,

ii. berhubung dengan kemusnahan atau kerosakan yang tidak diinsuranskan oleh Polisi ini,

iii. yang di bawahnya notis telah diserahkan kepada Pihak Diinsuranskan sebelum berlakunya kemusnahan atau kerosakan,

- iv. berhubung dengan harta yang tidak rosak atau bahagian harta yang tidak rosak.
 - b) kos tambahan yang mungkin diperlukan untuk memperbaiki harta yang rosak atau musnah kepada keadaannya menyamai yang baru perlu mematuhi mana-mana Peraturan atau Undang-undang Kecil yang disebut sebelum ini,
 - c) jumlah apa-apa kadar, cukai, duti, pembangunan atau caj-caj lain atau taksiran yang timbul daripada peningkatan kapital yang boleh dibayar berkaitan dengan harta tersebut atau oleh pemilikinya atas sebab mematuhi mana-mana Peraturan atau Undang-undang Kecil yang disebut sebelum ini.
 - ii. Kerja baik pulih mesti dimulakan dan dilakukan dengan kelancaran yang bersesuaian dan dalam apa-apa keadaan pun mesti disediakan dalam masa dua belas (12) bulan selepas berlakunya kemusnahan atau dalam jangka masa lanjutan yang boleh Syarikat boleh (semasa 12 bulan yang dinyatakan) dibenarkan oleh secara bertulis menjalankan sepenuhnya atau sebahagian daripadanya di tapak yang lain (jika Peraturan dan Undang-undang Kecil yang disebut sebelum ini memerlukan) tertakluk pada liabiliti Syarikat di bawah peluasan ini tidak dinaikkan olehnya.
 - iii. Jika liabiliti Syarikat di bawah Seksyen ini selain daripada peluasan ini hendak dikurangkan dengan menggunakan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat Seksyen ini, maka liabiliti Syarikat di bawah peluasan ini hendaklah dikurangkan mengikut perkadaran yang sama.
 - iv. Jumlah keseluruhan yang boleh diperolehi semula di bawah mana-mana Seksyen ini hendaklah tidak melebihi jumlah yang diinsuranskan padanya.
 - v. Semua syarat-syarat bagi Seksyen ini melainkan setakat yang jelas berbeza di sini hendaklah diterima pakai seolah-olah semuanya telah digabungkan dalam perjanjian ini.
9. Fasal Jenama, Label dan Cap Dagang

Bagi kes kerosakan harta yang mempunyai jenama, label atau cap dagang, yang jualannya dalam apa-apa keadaan membawa jaminan Pihak Diinsuranskan, nilai sisaan harta sedemikian hendaklah ditentukan selepas harta tersebut dipisahkan daripada apa-apa jenama, label atau cap dagang dalam cara yang lazim yang mungkin menunjukkan jaminan pengeluaran atau Pihak Diinsuranskan yang berserta harta tersebut.

10. Fasal Muatan Kenderaan

Sekiranya apa-apa kenderaan Pihak Diinsuranskan ditinggalkan semalaman dengan muatan penuh sementara atau di kediaman yang dijelaskan dalam spesifikasi dokumen ini, Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan berkaitan muatan tersebut sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan akibat daripada apa-apa peril yang terhadapnya dilindungi oleh Seksyen ini.

11. Fasal Ubah Suaian dan Baik Pulih

Dengan tidak menyentuh Kekecualian 6 (a), pekerja adalah dibenarkan berada di atau sekitar harta yang diinsuranskan untuk menjalankan pengubahsuaian dan baik pulih dengan syarat perniagaan, pembuatan, bentuk pendudukan dan/atau pembinaan bangunan kekal tidak berubah.

Fasal-fasal (Boleh diterima pakai bagi Seksyen 1 & 2)

1. Fasal Pemindahan Sementara

Harta yang diinsuranskan adalah dilindungi (terhad kepada 100%) jumlah yang diinsuranskan) semasa pemindahan sementara dilakukan untuk pembersihan, mengubah suai, meminda baik pulih atau tujuan lain yang sama, di tempat lain di bangunan yang sama atau ke mana-mana premis lain dan dalam transit dari dan ke tempat berkenaan melalui jalan raya, kereta api atau laluan air pedalaman, semuanya di dalam Malaysia, Republik Singapura atau Brunei Darussalam.

Jumlah yang boleh diperolehi semula di bawah peluasan ini berkaitan harta yang dipindahkan hendaklah tidak melebihi jumlah yang mungkin boleh diperolehi semula jika kehilangan tersebut berlaku di bahagian premis tersebut yang menempatkan harta yang dipindahkan sementara tersebut.

Peluasan ini tidak diterima pakai bagi harta jika dan selagi ia diinsuranskan, tidak juga diterima pakai bagi item-item yang merangkumi stok dan semua bentuk barang dagangan bagi semua perihalan, juga tidak mengambil kira kehilangan yang berlaku di tempat lain selain daripada premis tempat harta tersebut dipindahkan untuk sementara:-

- a. Kenderaan Bermotor dan Casis Kenderaan
- b. Harta (selain daripada jentera dan loji) dipegang oleh Pihak Diinsuranskan sebagai amanah.

2. Membuang Puing (sehingga RM2000.00)

Insurans ini termasuk kos dan perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan dengan kebenaran Syarikat untuk:-

- a) Membuang puing
- b) Menanggalkan dan/atau Meruntuhkan
- c) Menopang atau Menyangga

Bahagian atau bahagian-bahagian daripada harta yang diinsuranskan oleh Polisi ini yang musnah atau rosak kerana kebakaran atau melalui apa-apa peril lain yang dengan ini terhadapnya diinsuranskan. (Perkara (b) dan (c) di atas disifatkan akan dipotong apabila kedua-dua bangunan mahupun jentera tidak diinsuranskan).

Syarikat tidak akan membayar apa-apa kos atau perbelanjaan:-

- i. yang berlaku kerana membuang puing kecuali dari tapak harta yang musnah atau rosak dan kawasan bersebelahan dengan tapak sedemikian.
- ii. yang timbul kerana berlaku pencemaran atau kontaminasi pada harta yang tidak diinsuranskan oleh Polisi ini.

3. Rekod Sistem Komputer

Rekod sistem komputer adalah diinsuranskan hanya untuk nilai bahan-bahannya bersama-sama dengan kos buruh perkeranian dan waktu kerja berkomputer yang dilanjutkan untuk menghasilkan semula rekod-rekod tersebut (tidak termasuk apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan penghasilan maklumat yang hendak direkodkan padanya) dan bukan untuk nilai maklumat yang terkandung dalam dokumen tersebut.

4. Fasal Penentuan

Untuk tujuan penentuan berdasarkan keperluan, item (Kepala lajur) yang di bawahnya apa-apa harta yang diinsuranskan, Syarikat bersetuju untuk menerima penentuan tersebut yang di bawah harta sedemikian dimasukkan dalam buku Pihak Diinsuranskan.

5. Fasal Mengembalikan Semula Nilai (boleh diterima pakai bagi item yang berusia kurang daripada 5 tahun)

Seandainya harta yang diinsuranskan musnah atau rosak asas bagi perkiraan jumlah bagi jumlah yang kena dibayar di bawah seksyen ini apabila dikira hendaklah menjadi kos menggantikan atau memasang semula di tapak daripada jenis yang sama tetapi tidak lebih baik daripada atau lebih meluas daripada harta yang diinsuranskan semasa baru, tertakluk pada Peruntukan-peruntukan Khas yang berikut dan tertakluk juga pada terma-terma dan syarat-syarat Seksyen ini kecuali setakat yang serupa mungkin dengan ini berbeza.

Peruntukan-peruntukan Khas

- a. Kerja-kerja penggantian atau pemasangan semula (yang mungkin dijalankan di tapak lain dan dalam apa-apa bentuk yang sesuai dengan keperluan Pihak Diinsuranskan tertakluk pada liabiliti Syarikat yang tidak dinaikkan olehnya) mesti dimulakan dan dijalankan dengan kelancaran yang berpatutan dan dalam apa-apa keadaan mesti di siapkan dalam jangka masa 12 bulan selepas kemusnahan atau kerosakan, atau dalam jangka masa yang lebih lanjut yang dibenarkan oleh Syarikat (semasa dalam tempoh 12 bulan tersebut) secara bertulis jika tidak tiada apa-apa pembayaran melebihi jumlah yang kena dibayar di bawah Seksyen ini akan dilakukan jika memorandum ini tidak digabungkan dalam dokumen ini.
- b. Hanya sehingga perbelanjaan ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan bagi menggantikan atau memasang semula harta yang musnah atau rosak, Syarikat hendaklah tidak bertanggung jawab terhadap apa-apa pembayaran yang berlebihan daripada jumlah yang kena dibayar di bawah Seksyen ini jika memorandum ini tidak digabungkan dalam dokumen ini.
- c. Jika pada masa penggantian atau pemasangan semula jumlah yang mewakili kos yang dinyatakan yang mungkin ditanggung untuk penggantian atau pemasangan semula jika keseluruhan harta yang dilindungi telah musnah adalah melebihi jumlah diinsuranskan padanya apabila berlakunya kebakaran atau bermulanya apa-apa kemusnahan terhadap atau kerosakan kepada harta tersebut oleh apa-apa peril yang diinsuranskan terhadapnya melalui Seksyen ini, maka Pihak Diinsuranskan hendaklah disifatkan sebagai menjadi penanggung insuransnya sendiri untuk lebihan tersebut dan hendaklah menanggung sebahagian perkadaran kerugian tersebut sebagaimana sewajarnya. Setiap item pada Seksyen ini (jika lebih daripada satu) yang diterima pakai bagi Memorandum ini hendaklah tertakluk secara berasingan pada peruntukan yang disebut sebelum ini.
- d. Memorandum ini hendaklah tidak berkuat kuasa jika:-
 - i. Pihak Diinsuranskan gagal menjelaskan kepada Syarikat dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kemusnahan atau kerosakan, atau masa lanjutan yang boleh dibenarkan oleh Syarikat secara bertulis, niatnya untuk menggantikan atau memasang semula harta yang musnah atau rosak.
 - ii. Pihak Diinsuranskan tidak boleh atau tidak mahu menggantikan atau memasang semula harta yang musnah atau rosak di tapak yang sama atau yang lain.
- e. Tiada pembayaran melebihi jumlah yang kena dibayar di bawah Seksyen ini akan dilakukan jika memorandum ini tidak digabungkan dalam dokumen ini jika pada masa berlakunya apa-apa kemusnahan atau kerosakan terhadap apa-apa harta yang diinsuranskan di bawah seksyen ini harta tersebut hendaklah dilindungi oleh mana-mana insurans lain yang berkuat kuasa atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan yang bukan berasaskan pemasangan semula yang sama yang dikemukakan dalam dokumen ini.

6. Fasal Simpanan Sementara

Harta tersebut (tidak termasuk bangunan) yang diinsuranskan di bawah Seksyen ini dilindungi semasa sedang disimpan sementara di mana-mana di dalam Malaysia dan Singapura DENGAN SYARAT bahawa:-

- a. tempoh simpanan sementara hendaklah tidak melebihi enam puluh (60) hari
- b. liabiliti Syarikat adalah terhad kepada 10% daripada jumlah keseluruhan diinsuranskan atau RM500,000.00 yang mana lebih rendah untuk harta yang dilindungi di bawah fasal ini.
- c. Syarikat tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada harta semasa dalam transit (termasuk semasa proses pemuatan dan pemungahan yang tak disengajakan semasa dalam transit sedemikian)
- d. Insurans ini boleh atau diterima pakai bagi harta selagi ia sebaliknya diinsuranskan tidak juga ia diterima pakai bagi kenderaan bermotor berlesen dan casis kenderaan bermotor berlesen untuk kegunaan di jalan raya atau digunakan di atas jalan raya seperti yang dinyatakan dalam Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987 (termasuk aksesori baginya)

7. Fasal Pemindahan Dalam

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa apabila harta dipindahkan dari satu bangunan ke bangunan lain dalam apa-apa situasi yang disebut sebelum ini dengan tidak sengaja tidak memaklumkan kepada Syarikat, insurans harta tersebut hendaklah menurut pemindahan

dengan pelarasan sewajarnya bagi jumlah diinsuranskan dan premium dibuat mengikut tarikh pemindahan sebaik sahaja kealpaan tersebut diketahui.

8. Fasal Luar Bangunan

Insurans untuk setiap item di bawah Bangunan adalah difahami termasuk dinding, pintu pagar dan pagar, bangunan-bangunan kecil di luar, binaan-binaan tambahan, aneks, tangga luar, pemasangan tempat bahan api, kerangka-kerangka besi atau keluli dan tangki-tangki di premis tersebut dan insurans bagi setiap item di bawah Kandungan tersebut diperluas untuk memasukkan kandungan bagi setiap bangunan luar.

9. Fasal Penaksiran

Jika agregat tuntutan bagi mana-mana satu kerugian tidak melebihi RM5000 atau 5% daripada jumlah diinsuranskan yang mana lebih rendah mengikut item atau item-item yang terjejas, tiada taksiran atau inventori khas diperlukan bagi harta yang tidak rosak.

Jika dua atau lebih bangunan dimasukkan di bawah satu item, peruntukan ini hendaklah diterima pakai bagi julat bangunan-bangunan dan/atau kandungannya mengikut item atau item-item yang terjejas.

10. Fasal Pasangan dan Set

Maka dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa tanpa mengambil kira apa-apa yang terkandung dalam Seksyen ini yang betentangan, dengan item terdiri daripada barang-barang dalam pasangan atau set, Syarikat hendaklah tidak bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada nilai yang berkadangan bagi mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu yang mungkin hilang, tanpa merujuk pada apa-apa nilai khas yang mungkin bagi barang-barang tersebut sebagai sebahagian pasangan atau set. Tertakluk sebaliknya pada terma-terma syarat-syarat dan kekecualian-kekecualian Seksyen ini.

SEKSYEN 3 – KECURIAN DAN WANG

Seksyen ini menyaksikan bahawa semasa Tempoh Insurans

1. Harta yang diinsuranskan hendaklah hilang kerana kecurian disebabkan pecah masuk atau keluar dari bangunan yang dilakukan secara paksaan dan ganas yang memperlihatkan kesan jelas yang dilakukan ke atas Premis pada tempat masuk atau keluar menggunakan peralatan, bahan letupan, perkakasan elektrik, bahan kimia atau apa-apa peralatan atau perkakasan lain atau dilakukan oleh mana-mana orang perseorangan atau beberapa orang yang bersembunyi di dalamnya dengan tujuan untuk melakukan kecurian sedemikian atau
2. Hendaklah berlakunya apa-apa kerosakan kepada harta atau premis yang diinsuranskan tersebut, yang perlu ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan, disebabkan kecurian sedemikian sebagaimana yang disebut sebelum ini atau apa-apa cubaan sedia ada
3. Wang tersebut hendaklah hilang musnah atau rosak kerana
 - a. apa-apa sebab semasa sedang dihantar oleh pengutus dan/atau pekerja Pihak Diinsuranskan pada atau dari mana-mana premis Pihak Diinsuranskan atau tapak kontrak sehingga tiba di mana-mana premis Pihak Diinsuranskan dan/atau mana-mana tempat pembayaran lain dan berkaitan dengan upah dan/atau gaji sehingga dibayar kepada kaki tangan atau pembayaran dibuat sebaliknya.
 - b. kerana kecurian dari peti besi berkunci atau bilik kebal atau laci berkunci dengan syarat terdapatnya kesan jelas dilakukan pada peti besi atau bilik kebal atau laci menggunakan peralatan-peralatan, bahan letupan, arus elektrik atau bahan kimia atau melalui rompakan dengan ugutan semasa di dalam premis.
4. Mana-mana peti besi atau bilik kebal milik Pihak Diinsuranskan dan mengandungi wang hilang musnah atau rosak disebabkan kecurian atau cubaan mencuri wang sedemikian.

Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan berkaitan kehilangan kemusnahan atau kerosakan sedemikian. Dengan syarat bahawa liabiliti Syarikat berkaitan mana-mana satu kejadian hendaklah tidak melebihi Had Liabiliti yang diterima pakai padanya. Seksyen ini tidak boleh diterima pakai bagi item-item yang diinsuranskan secara lebih spesifik di bawah Seksyen 2.

Kekecualian

1. Kehilangan atau kerosakan disebabkan apa-apa kecurian seperti yang tersebut sebelum ini atau apa-apa cubaan sedia ada oleh mana-mana ahli keluarga Pihak Diinsuranskan atau pekerja-pekerja atau mana-mana orang yang dibenarkan berada di premis tersebut.
2. Kehilangan atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berlaku menerusi atau diakibatkan oleh peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, keganasan (sama ada perang diisytiharkan atau pun tidak), perang saudara, revolusi, kebangkitan, mogok, rusuhan, kekecohan awam, ketenteraan atau rampasan kuasa atau perampasan, penahanan penasionalan, rekuisisi atau kemusnahan yang disengajakan atas arahan mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam.
3. Kehilangan atau kerosakan pingat, syiling, `bahan hiasan aneh`, arca, buku-buku bernilai, pelan-pelan, model-model, acuan-acuan, reka bentuk-reka bentuk, surat-surat ikatan, bon-bon, bil-bil pertukaran, nota-nota janji, cek-cek, wang, jaminan-jaminan wang, setem atau koleksi setem, apa-apa bentuk dokumen, batu-batu berharga atau buku-buku perniagaan atau manuskrip-manuskrip.
4. Kehilangan atau kerosakan yang timbul semasa premis tidak diduduki untuk suatu tempoh melebihi 30 hari secara berturut-turut atau diduduki selain daripada yang dinyatakan dalam Jadual, melainkan dengan kebenaran bertulis Syarikat hendaklah telah diperoleh dan apa-apa premium tambahan yang diperlukan oleh Syarikat telah dibayar.

5. Kehilangan dan/atau inventori yang tidak dapat dipastikan kecuali terdapatnya kemungkinan berlakunya kecurian sebagaimana yang tersebut.
6. Berlakunya kehilangan semasa terdapatnya perubahan pada keadaan risiko melainkan perubahan sedemikian dimaklumkan kepada Syarikat.
7. (a) Apa-apa kemalangan kerugian atau kerosakan terhadap apa-apa harta pun atau apa-apa kehilangan atau apa-apa perbelanjaan sekalipun yang disebabkan oleh atau timbul daripadanya atau apa-apa kerugian yang berturutan
(b) Apa-apa liabiliti yang bersifat apa jua
secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan kepada oleh atau timbul daripada sinaran pengionan atau kontaminasi oleh bahan radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan kekecualian ini pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear mampu diri.
8. Apa-apa kemalangan kerugian kerosakan atau liabiliti secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan kepada oleh atau timbul daripada bahan-bahan senjata nuklear.
9. Kehilangan disebabkan kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran.
10. Pengurangan disebabkan kesilapan atau peninggalan.
11. Kehilangan Wang yang berlaku di premis yang pada ketika kehilangan ditutup melainkan Wang tersebut berada di dalam peti besi berkunci atau bilik kebal atau laci berkunci.
12. Kehilangan wang disebabkan oleh atau berlaku melalui kecurian oleh seorang pekerja kecuali semasa sedang bertindak sebagai pengutus dan kemudian hanya jika kecurian sedemikian diketahui dalam masa tujuh hari bekerja selepas kejadiannya.
13. Kehilangan daripada peti besi atau bilik kebal berikutan penggunaan kunci Peti Besi atau Bilik Kebal atau apa-apa kunci pendua daripadanya milik Pihak Diinsuranskan melainkan diambil dengan cara ugutan atau kekerasan terhadap mana-mana orang.

Syarat-syarat Polisi

1. Untuk tujuan Seksyen ini terma-termanya.
 - a. “Wang” hendaklah bermaksud Tunai, Nota Bank, Cek-cek, Kiriman Wang, Wang Pos, Bil Pertukaran Pos dan Setem-setem lain yang mempunyai nilai kewangan
 - c. “Rompakan” mengugut hendaklah bermaksud kecurian yang disertai keganasan atau ugutan keganasan oleh sesiapa jua selain daripada pekerja Pihak Diinsuranskan
2. Pihak Diinsuranskan hendaklah mengambil semua langkah beringat yang sewajarnya untuk keselamatan wang tersebut.
3. Apabila didapati berlaku apa-apa kehilangan kemusnahan atau kerosakan Wang Pihak Diinsuranskan hendaklah dengan serta-merta memberikan notis kepada
 - a. pihak Polis dan mengambil semua langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengenal pasti orang atau orang-orang yang bersalah dan mendapatkan semula Wang yang hilang
 - b. Syarikat secara bertulis dan hendaklah dalam tempoh lima belas (15) hari kemudian dari itu atau apa-apa masa tambahan yang dibenarkan oleh Syarikat untuk emmaklumkan kepada Syarikat dengan perbelanjaannya sendiri secara bertulis maklumat terperinci jumlah kerugian kemusnahan atau kerosakan berserta baucar-baucar bukti dan maklumat lain sebagai menyokongnya sebagaimana yang sewajarnya diperlukan oleh Syarikat.
4. Syarikat hendaklah berhak atas nama Pihak Diinsuranskan untuk mendapat sepenuhnya pengendalian dan kawalan terhadap semua daripada mana-mana prosiding yang dirasakan perlu untuk tujuan mengesan dan mendapatkan semua Wang yang hilang atau mendapatkan pembayaran balik Wang yang hilang musnah atau rosak dan Pihak Diinsuranskan hendaklah dengan perbelanjaan Syarikat memberikan segala bantuan yang sewajarnya diperlukan oleh Syarikat berhubung dengan prosiding tersebut.

Fasal-fasal

1. Pengendorsan Rompakan dan Rompakan Bersenjata dengan Ugutan

Maka dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa Seksyen ini diperluas untuk melindungi risiko-risiko rompakan bersenjata di dalam premis-premis yang dijelaskan dalam perjanjian ini.

Adalah seterusnya diperakui dan dipersetujui bahawa perkataan “Rompakan Bersenjata” hendaklah bermaksud mengambil harta Pihak Diinsuranskan:-

- a. dengan menggunakan kekerasan ke atas seorang penjaga
 - b. dengan menjadikan beliau ketakutan akibat kekerasan
 - c. daripada penjaga yang telah dibunuh menjadi tidak sedarkan diri
2. Fasal Pengembalian Semula Automatik Jumlah Diinsuranskan
Maka dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa dengan mengambil kira aku janji Pihak Diinsuranskan untuk membayar suatu premium tambahan pada kadar yang dipersetujui bagi jumlah kehilangan dikira berasaskan prorata dari tarikh kehilangan ke tarikh tamat tempoh insurans semasa, sekiranya berlakunya kehilangan insurans mengikut dokumen ini hendaklah dikekalkan berkuat kuasa untuk jumlah keseluruhan yang diinsuranskan.

3. Pengendorsan Simpan Kira

Maka dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa menjadi suatu syarat yang mendahului hak Pihak Diinsuranskan untuk mendapatkan semula di bawah Seksyen ini, bahawa sekiranya berlaku tuntutan menurut dokumen ini Pihak Diinsuranskan hendaklah memberikan kepada Syarikat sebagai menyokong Tuntutan rekod-rekod yang berikut:-

- a. rekod semua stok yang tersimpan mengikut tarikh terakhir stok disemak sebelum tarikh kecurian berkaitan dengan tuntutan yang dibuat
- b. rekod semua stok baru yang tidak diambil kira semasa semakan stok terakhir. (Rekod ini mesti disokong dengan invoice).
- c. Rekod terperinci jualan harian sama ada tunai atau sebaliknya dan apa-apa pemindahan stok yang lain sejak tarikh terakhir stok disemak.

Peruntukan-peruntukan yang disebut di atas hendaklah tidak akan menghalang syarikat daripada meminta apa-apa maklumat lanjut yang dirasakan perlu sekiranya tuntutan dilakukan di bawah Seksyen ini.

4. Harga Kontrak

Maka dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa berkaitan dengan barangan dijual tetapi tidak dihantar dan Pihak Diinsuranskan adalah bertanggungjawab, liabiliti Penanggung insurans di bawah Seksyen ini hendaklah berasaskan pada Harga Kontrak seperti ditetapkan di bawah Syarat Kontrak Jualan. Untuk tujuan purata, nilai semua barangan yang diterima pakai dalam Fasal ini hendaklah dipastikan menurut asas yang sama.

5. Fasal Kerosakan kepada Premis

Maka dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa Seksyen ini diperluas untuk melindungi apa-apa kerosakan kepada premis-premis yang disebabkan oleh kecurian melibatkan kemasukan atau keluaran dari premis-premis tersebut dengan cara paksaan atau kekerasan atau apa-apa cubaan di situ.

Liabiliti Penanggung Insurans di bawah peluasan ini dan untuk semua kehilangan, kemusnahan atau kerosakan di bawah Seksyen ini hendaklah tidak melebihi RM1000.00.

6. Fasal Kerosakan kepada Peti Besi/Kabinet/Laci

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa insurans yang diberikan di bawah Seksyen ini hendaklah diperluas untuk memasukkan apa-apa kehilangan dan/atau kerosakan kepada mana-mana peti besi, laci, kabinet atau mesin daftar tunai disebabkan oleh kecurian, pecah rumah, rompakan dengan ugutan dan rompakan bersenjata, dengan sentiasa menjadi syarat bahawa peluasan ini hendaklah tidak meningkatkan liabiliti Syarikat terhadap item-item berkaitan yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi ini dan bahawa jumlah keseluruhan liabiliti Syarikat hendaklah tidak melebihi RM5,000.00

Peluasan yang disediakan di bawah Seksyen ini hendaklah termasuk penggantian semula peti besi jika peti besi tersebut tidak boleh diperbaiki lagi dan kos pembuangan peti besi rosak tersebut dari premis-premis tersebut.

7. Pengendorsan Barangan Peribadi Pekerja-pekerja

Maka dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa Seksyen ini diperluas untuk melindungi liabiliti perundangan Pihak Diinsuranskan berkaitan dengan kehilangan atau kerosakan pakaian dan/atau barangan peribadi pekerja-pekerja yang berlaku di tempat atau tempat-tempat yang boleh diterima pakai untuk Seksyen ini. Jumlah tanggung rugi di bawah peluasan ini adalah terhad kepada RM1000.00 berhubung mana-mana satu kejadian.

8. Fasal Kehilangan Pertama Kekecualian Purata

Maka dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa tanpa mengambil kira apa-apa yang bertentangan yang terkandung dalam perjanjian ini, Seksyen ini di letakkan sebagai Insurans Kehilangan Pertama dalam harta seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi ini bagi jumlah seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

Ia adalah satu syarat insurans ini bahawa Pihak Diinsuranskan hendaklah memaklumkan Syarikat sebelum setiap pembaharuan tarikh jumlah maksimum harta yang diinsuranskan oleh Seksyen ini pada mana-mana satu masa dalam dua belas bulan terdahulu.

9. Fasal Anak Kunci

Maka dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa adalah menjadi syarat duluan bagi semua liabiliti Syarikat di bawah Seksyen ini bahawa:-

- a. anak kunci atau anak kunci-anak kunci bagi peti besi/kabinet/laci yang berkunci hendaklah pada setiap masa disimpan dalam jagaan peribadi seorang pegawai atau pekerja yang diberikan kuasa oleh Pihak Diinsuranskan dan yang apabila meninggalkan premis hendaklah mengeluarkan anak kunci atau anak kunci-anak kunci dari situ
- b. suatu rekod lengkap jumlah tunai dan/atau nota-nota di dalam peti besi/kabinet/laci disimpan di tempat lain selain daripada di dalam peti besi/kabinet/laci yang berkunci dan bahawa liabiliti Syarikat adalah terhad kepada jumlah yang ditunjukkan oleh rekod sedemikian yang seharusnya berada di dalam peti besi/kabinet/laci berkunci tersebut semasa berlakunya kehilangan tetapi dalam apa-apa hal tidak melebihi had yang disebutkan dalam Polisi ini
- c. anak kunci atau anak kunci-anak kunci bagi peti besi/kabinet/laci hendaklah tidak ditinggalkan di dalam pejabat Pihak Diinsuranskan pada waktu malam atau semasa Premis tidak diduduki secara rasmi untuk tujuan perniagaan
- d. Peluasan ini tidak diperluas untuk melindungi kehilangan tunai dan/atau nota-nota yang berbangkit daripada penggunaan anak kunci bagi peti besi/kabinet/laci berkunci melainkan anak kunci-anak kunci tersebut telah diperoleh melalui ugutan atau kekerasan berikutan pencerobohan ke dalam premis.

Fasal-fasal (Boleh Diterima Pakai bagi Seksyen 2 & 3)

1. Fasal Penggantian Kunci dan Anak Kunci

Dengan mengambil kira pembayaran premium tambahan yang dimasukkan dalam premium dalam dokumen ini, insurans ini diperluas untuk melindungi kehilangan atau kerosakan pada kunci dan anak kunci berikutan suatu kejadian kecurian tetapi hanya jika pencerobohan masuk atau keluar dari bangunan tersebut atau apa-apa cubaan seumpamanya disertakan dengan paksaan dan kekerasan sebenar adalah dengan had sehingga RM500.00 untuk mana-mana satu kejadian

2. Fasal Kecurian melalui Penipuan

Syarikat hendaklah tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan yang dilakukan oleh atau disumbangkan oleh mana-mana orang dalam lingkungan maksud takrif kesalahan penipuan yang ditetapkan dalam Kanun Jenayah. Penipuan ditakrifkan dalam Kanun Jenayah sebagai “Sesiapa sahaja yang, memperdayakan mana-mana orang, dengan cara fraud atau tidak jujur menyebabkan orang itu terperdaya untuk memberikan apa-apa harta kepada mana-mana orang atau untuk membenarkan mana-mana orang menyimpan apa-apa harta, atau sengaja sehingga memperdayakan orang itu untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara yang tidak mahu dilakukannya atau enggan melakukannya jika dia tidak diperdaya, dan dengan Tindakan atau peninggalan tersebut menyebabkan atau berkemungkinan besar menyebabkan kerosakan atau mendatangkan bahaya kepada orang itu dari segi tubuh, minda, reputasi atau harta, dikatakan sebagai penipuan”.

3. Fasal Jenayah Pecah Amanah

Syarikat tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh atau disumbangkan oleh Tindakan Pecah Amanah oleh mana-mana orang dalam lingkungan maksud takrif kesalahan Pecah Amanah yang ditetapkan dalam Kanun Jenayah.

Pecah Amanah sebagaimana ditakrifkan dalam Kanun Jenayah adalah seperti yang berikut:-

“Sesiapa sahaja, dalam apa jua kedudukan diamanahkan dengan harta atau mempunyai apa-apa penguasaan ke atas harta, secara tidak jujur menggelapkan atau mengubah harta tersebut untuk kegunaannya sendiri atau bahawa secara tidak jujur menggunakan atau melupuskan harta tersebut dengan mencabuli apa-apa arahan perundangan yang memberikan kaedah bagaimana amanah sedemikian hendak dilepaskan, atau apa-apa kontrak undang-undang, yang jelas atau tersirat, yang telah beliau lakukan berhubung pelepasan amanah sedemikian, atau dengan suka rela membenarkan mana-mana orang lain melakukan yang sama melakukan Jenayah Pecah Amanah”.

SEKSYEN 4 – KEPINGAN KACA

Jika semasa dalam Tempoh Insurans berlakunya pecah pada mana-mana kepingan (yang untuk tujuan Seksyen ini hendaklah tidak termasuk rosak kerana calar) di dalam Premis, Syarikat akan membayar atau mengganti rugi sebanyak nilai intrinsik kepingan kaca tersebut kepada Pihak Diinsuranskan berserta dengan kos bagi apa-apa keperluan tambahan yang perlu sementara menantikan penggantian tertakluk pada Had Tanggungan.

Kekecualian

1. Kepingan kaca pecah disebabkan oleh atau berlaku melalui kebakaran atau letupan
2. Apa-apa akibat daripada peperangan, tindakan pencerobohan, tindakan musuh asing keganasan (sama ada perang telah diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan atau kecelaruan awam
3. Apa-apa akibat daripada taufan, banjir, hurikan, letupan gunung berapi, gempa bumi atau bencana alam lain
4. Apa-apa salah gambaran tentang Kepingan Kaca dan melainkan dinyatakan dengan jelas bahawa semua Kepingan Kaca hendaklah dianggap kosong dan berkualiti sepuh biasa dan tanpa cetakan timbul, saduran perak, berhuruf, berlengkuk atau apa-apa jenis kerja hiasan.
5. Kepingan kaca pecah semasa belum dipasang
6. Pecahnya apa-apa huruf yang ditulis yang dinyatakan dalam Jadual melainkan pecah sedemikian disebabkan oleh atau akibat daripada Kepingan Kaca tempat huruf tersebut ditulis pecah
7. Kerosakan pada bingkai atau kerangka daripada apa-apa perihalan
8. Memperbaharui atau menggantikan apa-apa pemasangan atau lekapan bertujuan untuk menggantikan Kepingan Kaca

Syarat-syarat Polisi

Jika terdapat apa-apa ubah suaian ke atas premis atau terhadap penyewa, subpenyewa, penghunian atau perniagaan yang dijalankan di dalam Premis atau jika Premis tersebut menjadi kosong atau tidak digunakan lagi dan untuk setiap kejadian sedemikian, semua butiran hendaklah dimaklumkan kepada Syarikat dengan segera dan jika risikonya meningkat, Syarikat hendaklah mempunyai pilihan untuk mengenakan caj premium tambahan yang bersesuaian atau menolak untuk meneruskan perlindungan insurans tersebut

Fasal-Fasal

1. Fasal Kemasukan Semula Automatik Jumlah Diinsuranskan

Maka dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa sebagai pertimbangan Pihak Diinsuranskan mengaku janji untuk membayar premium tambahan pada kadar yang dipersetujui atas jumlah kerugian dikira atas dasar purata dari tarikh kerugian ke tarikh tamat tempoh semasa insurans, apabila berlakunya kerugian insurans menurut dokumen ini akan dikekalkan berkuat kuasa untuk jumlah keseluruhan yang diinsuranskan.

2. Fasal Kerugian Pertama Tidak Termasuk Purata

Maka dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa tanpa mengambil kira apa-apa yang bertentangan yang terkandung dalam perjanjian ini, Seksyen ini diberikan sebagai Insurans Kehilangan Pertama ke atas harta seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi ini sehingga mencapai kepada jumlah seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

Adalah menjadi syarat insurans ini bahawa Pihak Diinsuranskan hendaklah memaklumkan Syarikat sebelum setiap tarikh pembaharuan jumlah maksimum harta yang diinsuranskan melalui Seksyen ini pada mana-mana satu masa dalam dua belas bulan terdahulu.

SEKSYEN 5 – TANGGUNGAN AWAM

Syarikat akan menanggung rugi Pihak Diinsuranskan terhadap

1. Semua jumlah dengan Pihak Diinsuranskan akan perlu dari segi perundangan membayar sebagai pampasan berkaitan dengan
 - a. kecederaan kepada tubuh badan atau penyakit mana-mana orang
 - b. kerugian atau kerosakan kepada hartaberlaku di dalam Had Wilayah semasa Tempoh Tanggung Rugi disebabkan oleh kemalangan dan berlaku atau disebabkan seperti yang dinyatakan dalam Jadual di bawah tajuk Perihal Risiko.
2. Semua kos dan perbelanjaan litigasi
 - a. yang diperoleh oleh mana-mana pihak menuntut terhadap Pihak Diinsuranskan
 - b. berlaku dengan kebenaran bertulis pihak Syarikat berkaitan dengan tuntutan terhadap Pihak Diinsuranskan sebagai pampasan yang mana tanggungan yang diperlihatkan merujuk pada Seksyen ini.

Apabila berlakunya kematian kepada Pihak Diinsuranskan, Syarikat akan yang berkaitan dengan tanggungjawab pampasan terhadap Pihak Diinsuranskan, melindungi wakil peribadi Pihak Diinsuranskan mengikut terma-terma dan tertakluk pada had-had di dalam Seksyen ini dengan syarat bahawa wakil peribadi sedemikian bertindak seakan Pihak Diinsuranskan sendiri dengan mematuhi semua terma-terma, kekecualian-kekecualian dan syarat-syarat Seksyen ini selagi yang boleh digunakan.

Kekecualian

Perlindungan yang diperjelaskan di dalam Seksyen ini tidak boleh digunakan kepada

1. Tanggungan yang diterima Pihak Diinsuranskan melalui perjanjian dan tidak akan berkesan tanpa perjanjian tersebut
2. Tanggungan berkaitan
 - a. kecederaan kepada atau penyakit terhadap sesiapa sahaja di dalam kontrak perkhidmatan atau perantisan dengan Pihak Diinsuranskan jika tanggungjawab sedemikian adalah berkaitan dengan kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh dan dalam rangka perjawatan pekerja tersebut oleh Pihak Diinsuranskan.
 - b. Apa-apa jumlah pembayaran oleh Pihak Diinsuranskan di bawah perundangan berkaitan kecederaan atau penyakit pekerjaan.
3. Tanggungan berkaitan dengan kerugian atau kerosakan kepada harta
 - a. kepunyaan Pihak Diinsuranskan
 - b. di bawah jagaan atau di bawah kuasa Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pekerja atau wakil Pihak Diinsuranskan
 - c. mana-mana bahagian harta yang mana Pihak Diinsuranskan atau sesiapa pekerjanya atau wakil Pihak Diinsuranskan sedang atau telah bekerja di situ jika kehilangan atau kerosakan disebabkan secara langsung oleh kerja sedemikian
 - d. disebabkan oleh atau berkaitan dengan atau urutan daripada pecahnya mana-mana bahagian bertekanan daripada
 - i. mana-mana dandang wap atau 'economiser'
 - ii. mana-mana peralatan atau perkakasan (selain daripada mana-mana turbin atau enjin wap atau peralatan berenjin wap lain) bertujuan digunakan menggunakan tekanan wap kepunyaan atau di bawah kendalian Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pekerja atau wakil Pihak Diinsuranskan
4. Tanggungan berkaitan
 - a. kerugian atau kerosakan kepada mana-mana harta atau tanah atau bangunan disebabkan oleh gegaran atau oleh peralihan atau kelemahan sokongan
 - b. kecederaan atau penyakit terhadap sesiapa sahaja atau kerugian atau kerosakan terhadap harta disebabkan oleh atau hasil keputusan daripada apa-apa kerugian atau kerosakan seperti yang disebut sebelum ini
5. Tanggungan berkaitan dengan kecederaan, penyakit, kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh atau berhubung dengan atau timbul daripada
 - a. apa-apa kenderaan (atau treler yang dipasang padanya) atau binatang atau kapal atau layaran yang tidak dispesifikasikan dalam Jadual di bawah tajuk Loji dipunyai atau dimiliki atau digunakan oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan atau memuatkan atau memunggah daripadanya
 - b. mana-mana lif, mesin pengangkat, tangga gerak, pesawat angkat atau kren dimiliki atau digunakan Pihak Diinsuranskan atau untuk penyelenggaraan tang mana Pihak Diinsuranskan adalah bertanggungjawab melainkan dispesifikasikan dalam Jadual di bawah tajuk Loji

- c. kemalangan kepada mana-mana kapal atau layaran disebabkan oleh keadaan atau ketidak sesuaian mana-mana jeti, dok atau pelabuhan
 - d. apa-apa bahan komoditi atau barangan dibekalkan, dibaiki, diubah, atau dirawat oleh atau mengikut arahan Pihak Diinsuranskan
 - e. kebakaran, gempa bumi, letupan, banjir
 - f. pencemaran alam sekitar dan/atau kontaminasi dan/atau apa-apa bentuk peresapan
 - g. pelanggaran tugas profesional atas sebab apa-apa tindakan cuai, kesilapan atau tidak dimasukkan, bila-bila masa atau di mana sahaja dilakukan atau dikatakan telah dilakukan.
6. Tanggungan terhadap apa-apa akibat daripada pencerobohan peperangan, tindakan pertempuran musuh asing (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan atau gangguan ketenteraman awam
7. Tanggungan dalam apa bentuk sekali pun disebabkan oleh atau hasil daripada atau apa-apa kerugian berpunca daripada:-
- a. secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan kepada oleh atau timbul daripada pengionan radiasi atau pencemaran oleh radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau daripada bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan kekecualian ini pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pengekalan diri pembelahan nuklear.
 - b. apa-apa kemalangan kerugian, kemusnahan, kerosakan atau tanggungjawab perundangan langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbangkan kepada oleh atau timbul daripada bahan-bahan senjata nuklear.

Di dalam Kekecualian ini

- a. penjelasan “Kenderaan hendaklah termasuk apa-apa jenis jentera beroda atau berlandasan roda berantai
- b. penjelasan “Kapal atau Layaran” hendaklah bermaksud apa-apa jenis kenderaan layaran atau benda yang dibuat atau bertujuan untuk terapung di atas atau bergerak di atas atau melalui air atau udara.

Had Tanggungan

Tanggungan Syarikat di bawah Seksyen ini untuk semua pampasan yang boleh dibayar

- a. kepada sesiapa yang menuntut atau apa-apa jumlah yang menuntut berkaitan dengan atau yang timbul daripada apa-apa kejadian atau berkaitan dengan atau yang timbul daripada semua kejadian daripada beberapa akibat yang berturutan atau disumbangkan oleh satu punca atau punca yang sebenar hendaklah tidak melebihi Had Tanggungan yang dispesifikasikan dalam Jadual untuk satu-satu Kemalangan.
- b. Berkaitan dengan semua kecederaan, penyakit, kehilangan yang dihadapi dan semasa satu Tempoh Perlindungan hendaklah tidak melebihi Had Tanggungan yang dispesifikasikan dalam Jadual untuk satu-satu Tempoh Perlindungan.

Syarat-syarat Polisi

1. Pihak Diinsuranskan tidak akan tanpa kebenaran bertulis dari Syarikat menolak tanggungan yang dirundingkan atau membuat pengakuan perjanjian tawaran atau pembayaran berhubung dengan apa-apa kemalangan atau tuntutan dan Syarikat berhak jika dikehendaki mengambil alih dan menguruskan atas nama Pihak Diinsuranskan pembelaan ke atas apa-apa tuntutan atau mendakwa atas nama Pihak Diinsuranskan dengan perbelanjaannya sendiri dan untuk faedahnya sendiri apa-apa tuntutan tanggungan atau kerosakan atau sebaliknya terhadap sesiapa sahaja dan akan sepenuhnya menggunakan budi bicara sendiri dalam menguruskan apa-apa perjalanan dan dalam penyelesaian apa-apa tuntutan dan Pihak Diinsuranskan akan memberikan segala maklumat dan bantuan yang diperlukan oleh Syarikat.
2. Syarikat boleh, dalam apa-apa kes kemalangan membayar kepada Pihak Diinsuranskan Had Tanggungan untuk mana-mana satu Kemalangan (tetapi memotong daripada itu untuk kes sedemikian apa-apa jumlah yang telah pun dibayar sebagai pampasan berkaitan daripadanya) atau apa-apa jumlah yang lebih rendah yang mana tuntutan atau tuntutan-tuntutan timbul daripada kemalangan sedemikian boleh diselesaikan dan Syarikat kemudian dari ini tidak akan lagi dipertanggungjawabkan berkaitan kemalangan sedemikian kecuali untuk pembayaran kos-kos dan perbelanjaan-perbelanjaan untuk litigasi di bawah fasal (2) pada muka surat pertama Seksyen ini yang berlaku sebelum tarikh pembayaran Had Tanggungan sedemikian atau jumlah yang lebih rendah sedemikian.
3. Pihak Diinsuranskan akan melakukan pengurusan sewajarnya dengan mengambil hanya pekerja-pekerja yang waras dan cekap sebagai pekerja, bahawa semua bangunan, laluan, pekerjaan, loji, jentera, perabot dan kemas adalah teguh dan kemas dalam aturan yang betul dan bersesuaian dengan tujuan penggunaannya dan semua keperluan undang-undang dan semua peraturan dan undang-undang kecil yang dikenakan oleh mana-mana kerajaan tempatan adalah diikuti dan dipatuhi sepenuhnya. Apabila terdapat apa-apa kepincangan dibawa ke pengetahuannya Pihak Diinsuranskan mengambil tindakan serta merta dan akan mengambil langkah penjagaan sementara berdasarkan keperluan untuk mengelakkan kemalangan tetapi selagi boleh tidak melakukan perubahan atau baik pulih tanpa kebenaran bertulis dari Syarikat selepas berlakunya apa-apa kejadian yang dilindungi oleh Seksyen ini sehingga pihak Syarikat telah mendapat peluang untuk melakukan pemeriksaan. Syarikat hendaklah pada bila-bila masa yang sesuai mendapat hak sepenuhnya memasuki bangunan untuk melakukan pemeriksaan. Apabila terdapatnya apa-apa kecacatan atau bahaya yang jelas dikesan oleh pemeriksa Syarikat, Syarikat mungkin mengeluarkan notis secara bertulis kepada Pihak Diinsuranskan dan berikutan itu semua tanggungan Syarikat berkaitan dengannya atau timbul daripadanya akan digantung sehingga dipulihkan atau dikeluarkan menepati kehendak Syarikat.

SEKSYEN 6 – TANGGUNGAN MAJIKAN

Jika sesiapa di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan dengan Pihak Diinsuranskan mendapat kecederaan tubuh badan kerana kemalangan atau penyakit yang berlaku semasa Tempoh Insurans dan timbul daripada dan ketika dalam masa pekerjaannya dengan Pihak Diinsuranskan di dalam Perniagaan tersebut.

Syarikat akan, tertakluk pada kekecualian terma-terma dan syarat-syarat terkandung di dalam perjanjian ini atau diendors dalam dokumen ini (selepas ini dirujuk sebagai Terma-terma Seksyen) melindungi Pihak Diinsuranskan daripada tanggungan menurut undang-undang untuk membayar pampasan dan kos dan perbelanjaan pihak yang menuntut berkaitan kecederaan yang sedemikian dan akan sebagai tambahan membayar semua kos-kos dan perbelanjaan-perbelanjaan yang berlaku dengan kebenaran bertulis.

Syarikat juga akan apabila berlakunya kematian Pihak Diinsuranskan, melindungi wakil menurut undang-undang bagi Pihak Diinsuranskan di dalam Terma-terma Seksyen ini berkaitan tanggungan yang disebabkan oleh Pihak Diinsuranskan tertakluk pada wakil sedemikian akan seakan mereka adalah Pihak Diinsuranskan mematuhi sepenuhnya dan menjadi tertakluk pada Terma-terma seksyen ini selagi mana yang boleh digunakan.

Kekecualian

1. Tanggungan Pihak Diinsuranskan kepada pekerja-pekerja pembekal kepada Pihak Diinsuranskan.
2. Apa-apa tanggungan Pihak Diinsuranskan yang sertakan atas dasar ikatan sebuah perjanjian tetapi tidak akan memberi kesan tanpa adanya perjanjian tersebut.
3. Apa-apa jumlah yang berhak diterima oleh Pihak Diinsuranskan daripada mana-mana pihak tetapi dengan perjanjian antara Pihak Diinsuranskan dengan pihak tersebut.
4. Apa-apa kecederaan kemalangan atau penyakit yang dialami di luar perlindungan Kawasan Geografi.
5. Apa-apa tanggungan Pihak Diinsuranskan untuk membayar pampasan kepada pekerja atau wakilnya menurut undang-undang atau waris tanggungan pekerja tersebut berdasarkan mana-mana undang-undang pampasan buruh.
6. Apa-apa kecederaan kerana kemalangan atau penyakit disebabkan oleh akibat daripada pencerobohan peperangan, tindakan pertempuran musuh asing atau gerakan seakan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa.
7. Apa-apa tanggungan dalam apa bentuk sekali pun disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau disumbangkan oleh kepada atau hasil daripada
 - a. bahan-bahan senjata nuklear
 - b. pengionan radiasi atau pencemaran oleh radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau daripada bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear dan untuk tujuan kekecualian ini pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pengekalan diri pembelahan nuklear.

Syarat-Syarat Polisi

1. Pihak Diinsuranskan akan mengambil langkah berjaga-jaga sewajarnya untuk menghalang berlakunya kemalangan dan penyakit dan akan mematuhi semua peraturan undang-undang
2. Tiada pengakuan, tawaran, janji atau pembayaran akan dilakukan oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan tanpa kebenaran bertulis daripada Syarikat yang akan berhak jika diperlukan untuk mengambil alih dan menguruskan atas namanya pembelaan atau penyelesaian apa-apa tuntutan atau mendakwa atas namanya untuk faedahnya sendiri apa-apa tuntutan tanggungan atau kerosakan atau sebaliknya dan akan sepenuhnya menggunakan budi bicara sendiri dalam menguruskan apa-apa perjalanan dan dalam penyelesaian apa-apa tuntutan dan Pihak Diinsuranskan akan memberikan segala maklumat dan bantuan yang diperlukan oleh Syarikat.
3. Nama setiap pekerja bersama dengan jumlah pendapatan bulanan dan pendapatan-pendapatan lain akan direkodkan dengan sempurna dan Pihak Diinsuranskan akan pada bila-bila masa membenarkan Syarikat untuk memeriksa rekod-rekod tersebut.

Fasal-fasal (Boleh digunakan kepada Seksyen 5)

1. Fasal Pengubahsuaian dan Pembaikan
Pekerja adalah dibenarkan di dalam atau di sekitar mana-mana premis yang dirujuk dalam dokumen ini untuk melakukan kerja-kerja pengubahsuaian dan pembaikan tanpa prejudis kepada terma-terma insurans ini.
2. Fasal Tanggungan Kontraktor dan Sub-kontraktor
Maka dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Seksyen ini diperluas untuk melindungi tanggungan perundangan terhadap Kontraktor-kontraktor dan/atau Sub-kontraktor Sub-kontraktor yang melakukan kerja untuk Pihak Diinsuranskan semasa melakukan perniagaan atau menduduki yang mana berkaitan dalam lingkungan Polisi adalah dibenarkan.
3. Pengendorsan Kepincangan Pengurusan Sanitari
Maka dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Seksyen ini diperluas untuk melindungi tanggungan perundangan yang timbul daripada kepincangan pengurusan sanitari.
4. Pengendorsan Barangan Pekerja-pekerja
Maka dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Seksyen ini diperluas untuk melindungi tanggungan perundangan Pihak Diinsuranskan berkaitan kehilangan atau kerosakan pakaian dan/atau barangan peribadi para pekerja yang berlaku di tempat atau

tempat-tempat yang mana Seksyen ini boleh digunakan. Jumlah perlindungan di bawah peluasan ini adalah terhad kepada RM1,000.00 berkaitan satu-satu kejadian.

5. Fasal Aktiviti-aktiviti Sukan dan Sosial Pekerja

Maka dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Pihak Diinsuranskan akan memasukkan jawatan kuasa dan ahli-ahli mana-mana kelab sosial atau sukan yang dijalankan untuk faedah pekerja-pekerja Pihak Diinsuranskan.

6. Fasal Kemudahan Pertolongan Cemas

Maka dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Seksyen ini diperluas untuk melindungi tanggungan perundangan Pihak Diinsuranskan yang timbul daripada peruntukan oleh Pihak Diinsuranskan tentang kemudahan pertolongan cemas tetapi tidak termasuk apa-apa tindakan kecuaiian, tidak dimasukkan atau kelalaian mana-mana petugas berkecualan bidang perubatan atau mana-mana pekerja atau pekerja sukarela mana-mana hospital atau organisasi ambulans.

7. Pengendorsan Makanan dan Minuman

Maka dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Seksyen ini diperluas untuk melindungi tanggungan perundangan Pihak Diinsuranskan berkaitan kematian atau penyakit disebabkan Makanan atau Minuman yang dibekalkan oleh Pihak Diinsuranskan di premis mereka atau kepada apa-apa yang terkandung di dalam Makanan dan Minuman sedemikian. Namun begitu, Syarikat tidak akan dipertanggungjawabkan untuk tuntutan berkaitan kematian atau penyakit disebabkan atau yang timbul daripada apa-apa kepincangan reka bentuk atau kesilapan formula atau spesifikasi proses mana-mana Makanan atau Minuman atau pembuatan Pihak Diinsuranskan atau apa-apa kecacatan atau kekurangan daripada Pihak Diinsuranskan, orang-orang suruhannya atau wakil-wakil yang mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengesyaki pada waktu itu apabila Makanan atau Minuman tersebut diserahkan dari kawalan dan simpanan fizikal Pihak Diinsuranskan atau sesiapa yang berkhidmat secara terus dengan Pihak Diinsuranskan.

8. Fasal Perlindungan Kepada Pengarah-Pengarah dan Eksekutif

Maka dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa jika apa-apa tuntutan dilakukan ke atas mana-mana Pengarah dan/atau Eksekutif Pihak Diinsuranskan dan tuntutan sedemikian dilakukan ke atas Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan adalah berhak dilindungi di bawah Seksyen ini. Syarikat akan, berdasarkan terma-terma dan tertakluk pada had-had Seksyen ini melindungi Pengarah-Pengarah dan/atau Eksekutif Pihak diinsuranskan tersebut berkaitan tuntutan sedemikian. Tertakluk bahawa:-

- a. Pengarah dan/atau Eksekutif tersebut tidak dilindungi di bawah mana-mana Polisi atau Polisi-polisi lain
- b. peluasan melalui pengendorsan ini tidak boleh digunakan mahu pun memasukkan tanggungan berkaitan mana-mana orang di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan dengan Pengarah dan/atau Eksekutif tersebut yang mana kecederaan hasil daripada dan semasa orang tersebut sedang bekerja atau berkhidmat dengan Pengarah dan/atau Eksekutif tersebut.
- c. Pengarah dan/atau Eksekutif tersebut hendaklah seakan mereka adalah Pihak Diinsuranskan mematuhi, memenuhi dan tertakluk pada terma-terma, kekecualian-kekecualian, had-had dan syarat-syarat Seksyen ini selagi mana boleh digunakan.
- d. peluasan melalui Pengendorsan ini tidak akan berkuat kuasa untuk meningkatkan Tanggungan Syarikat seperti yang ditetapkan dalam Jadual di bawah tajuk Had Tanggungan mengatasi jumlah atau jumlah-jumlah yang dipertanggungjawabkan kepada Syarikat jika Seksyen ini tidak diperluas.

9. Pengendorsan Muatan dan Pemungghahan

Maka dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Seksyen ini diperluas untuk melindungi tanggungan perundangan Pihak Diinsuranskan berkaitan kecederaan tubuh atau kerosakan harta

- a. disebabkan atau akibat daripada lebih had jika mana-mana jalan raya atau jalan besar berhubung dengan membawa muatan tersebut ke kenderaan untuk mengisi di dalamnya atau membawa keluar muatan dari kenderaan selepas pemungghahan daripadanya.
- b. disebabkan oleh mana-mana bahan atau bahagian muatan jatuh daripada mana-mana kenderaan yang dikendalikan secara mekanikal yang tidak dilesenkan untuk penggunaan di atas jalan raya semasa dalam lingkungan kawasan Pihak Diinsuranskan.

10. Pengendorsan Tanggungan Papan Tanda Neon/Pengiklanan

Maka dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Seksyen ini diperluas untuk melindungi tanggungan perundangan Pihak Diinsuranskan yang timbul daripada Pemilikan Papan Tanda-Papan Tanda Neon/Pengiklanan.

11. Fasal Tanggungan Penyewa

Maka dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa tanpa mengambil kira apa pun di dalam Kekecualian 3(a) dan 3(b), Seksyen ini diperluas untuk melindungi tanggungan perundangan Pihak Diinsuranskan berkaitan dengan kerosakan disebabkan oleh atau akibat daripada kebakaran dan letupan:-

- a. pada mana-mana bangunan atau sebahagian daripadanya bukan kepunyaan kepada tetapi semasa sedang diduduki oleh Pihak Diinsuranskan
- b. pada kandungan bangunan atau sebahagian daripadanya yang disebut di atas bukan kepunyaan kepada tetapi di bawah kuasa atau di bawah kawalan Pihak Diinsuranskan tetapi dalam apa keadaan pun tidak termasuk tanggungan Pihak Diinsuranskan sebagai Bailif.

Fasal-Fasal (Boleh digunakan kepada Seksyen 6)

Tanggungjawab *Common Law* (Had: RM500,000)

Maka dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Seksyen ini melindungi Pihak Diinsuranskan daripada semua jumlah yang Pihak diinsuranskan akan dipertanggungjawabkan di bawah *Common Law* ke tahap maksimum RM500,000 untuk satu-satu kemalangan dan sehingga berjumlah RM10,000,000 semasa tempoh insurans sebagai pampasan untuk kecederaan diri yang dialami oleh seorang atau lebih pekerja dalam satu-satu kemalangan atau kejadian. Sebagai tambahan Syarikat dengan kebenaran bertulis akan bertanggungjawab kepada semua kos dan perbelanjaan yang berlaku dalam pembelaan terhadap apa-apa tuntutan pampasan sedemikian.

Fasal-Fasal (Boleh digunakan kepada Seksyen 5 & 6)

1. Fasal Bidang Kuasa

Tanggungjawab yang disediakan di dalam perjanjian ini tidak akan digunakan kepada:-

- a. pampasan untuk kerosakan berkaitan keputusan pengadilan yang diberi atau didapatkan pada kali pertama melainkan diputuskan semula oleh Bidang Kuasa Mahkamah di dalam Malaysia.
- b. kos-kos dan perbelanjaan-perbelanjaan litigasi yang diperoleh oleh mana-mana pihak menuntut dari Pihak Diinsuranskan yang tidak berlaku dan boleh diperoleh di dalam Malaysia.

2. Risiko Bekerja Luar

Maka dengan ini diperakui dan dipersetujui bahawa Seksyen ini diperluas untuk melindungi tanggungjawab perundangan Pihak Diinsuranskan berkaitan kemalangan yang timbul daripada janji temu perjalanan tugas hakiki yang dilakukan oleh Pihak Diinsuranskan atau orang yang berkhidmat dengan Pihak Diinsuranskan di dalam kerangka Pekerjaan dalam lingkungan Had-Had Kawasan tetapi keluar dari premis-premis yang ditetapkan.

SYARAT BERKAITAN DENGAN SEMUA SEKSYEN:

1. Polisi dan Jadual hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau penjelasan yang disertakan dengan maksud yang spesifik di dalam mana-mana bahagian Polisi ini atau pun Jadual akan membawa maksud spesifik sedemikian di mana sahaja ia tertulis.
2. Semua notis yang perlu diberikan oleh Pihak Diinsuranskan kepada Syarikat mestilah secara bertulis dialamatkan kepada cawangan atau agensi mewakili Syarikat Polisi ini dikeluarkan, atau wakil Syarikat yang terhampir jika Pihak Diinsuranskan berada di luar negara, dan notis atau apa-apa pengetahuan berkaitan Polisi ini atau apa-apa tuntutan di bawah seksyen ini tidak akan dianggap sebagai notis dalam pengetahuan Syarikat melainkan diberikan, dan tiada pindaan di dalam terma-terma Polisi ini, mahu pun apa-apa pengendorsan di dalamnya akan di terima sebagai sah melainkan di tanda tangani atau diparapi oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa.
3. Jika terdapat apa-apa gambaran yang salah tentang bahan kepada mana-mana harta yang dengan ini diinsuranskan, atau mana-mana bangunan atau tempat yang mengandungi harta tersebut, atau apa-apa pernyataan yang salah tentang bahan fakta diketahui untuk mentafsirkan risiko, atau tindakan tidak memasukkan untuk menyatakan fakta sedemikian, Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas Polisi ini apabila ia berkaitan dengan harta yang terbabit dengan apa-apa tindakan gambaran yang salah, pernyataan yang salah atau tidak memasukkan sedemikian.
4. Apa-apa pembayaran berkaitan dengan mana-mana premium tidak akan dianggap pembayaran kepada Syarikat melainkan borang bercetak atau resit bertanda tangan oleh seorang Pegawai atau Wakil yang dilantik oleh Syarikat untuk pembayaran tersebut telah diserahkan kepada Pihak Diinsuranskan.
5. Pihak Diinsuranskan hendaklah memberikan notis kepada Syarikat tentang apa-apa insurans atau insurans-insurans lain yang telah pun terlibat, atau yang mungkin kemudiannya terlibat, melindungi mana-mana harta yang dengan ini diinsuranskan, dan melainkan notis sedemikian diberikan dan butiran insurans atau insurans-insurans sedemikian dinyatakan di dalam atau diendorskan di dalam Polisi ini oleh atau bagi pihak Syarikat sebelum berlakunya apa-apa kerugian atau kerosakan, semua faedah di bawah Polisi ini akan dibatalkan.

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa Pihak Diinsuranskan akan dianggap telah mematuhi dengan Syarat ini tertakluk pada beliau telah mengisytiharkan kepada Syarikat jumlah keseluruhan insurans yang terbabit dengan Syarikat Insurans yang lain terhadap harta yang dengan ini diinsuranskan.

6. Insurans ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Pihak Diinsuranskan, yang dalam perkembangan ini Syarikat akan mengekalkan kadar jangka pendek kelaziman untuk tempoh masa Polisi ini dikuat kuasakan. Insurans ini juga boleh ditamatkan mengikut pilihan Syarikat dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar ke alamat terakhir Pihak Diinsuranskan yang diketahui, dan dalam perkembangan ini Syarikat akan bertanggungjawab untuk membayar balik atas tuntutan sebahagian perkadaran premium untuk tempoh yang belum tamat bermula dari tarikh pembatalan.
7. Apabila berlakunya apa-apa kehilangan atau kerosakan atau apa-apa kemalangan, Pihak Diinsuranskan akan dengan serta merta memberikan notis daripadanya kepada Syarikat dan akan dalam tempoh 15 hari selepas kehilangan atau kerosakan, atau lanjutan masa lain yang dibenarkan Syarikat secara bertulis, menyerahkan kepada Syarikat
 - a. Satu tuntutan tentang kehilangan atau kerosakan secara bertulis mengandungi semua butiran menyamai sebuah akaun yang cukup praktik dan bersesuaian untuk semua perkara-perkara tersebut atau bahan-bahan harta yang rosak atau musnah dan jumlah kerugian atau kerosakan masing-masing padanya, mengambil kira nilainya pada waktu kehilangan atau kerosakan, tidak termasuk apa-apa bentuk keuntungan.
 - b. Butiran semua insurans-insurans lain, jika ada

Pihak Diinsuranskan akan juga pada setiap masa dengan perbelanjaannya sendiri, mendapatkan dan memberikan kepada Syarikat selanjutnya semua butiran-butiran, pelan-pelan, spesifikasi-spesifikasi, buku-buku, baucar-baucar, inbois-inbois, salinan-salinan

atau pendua-pendua daripadanya, dokumen-dokumen, bukti-bukti dan maklumat berkaitan dengan tuntutan tersebut dan punca dan sebab kebakaran atau apa-apa bahaya yang dilindungi insurans dan keadaan yang menyebabkan berlakunya kehilangan atau kerosakan, dan apa-apa perkara yang menyentuh tanggungan atau jumlah tanggungan Syarikat yang keperluannya dirasakan sesuai oleh atau bagi pihak Syarikat bersama dengan deklarasi sumpah atau dalam bentuk dokumen perundangan lain tentang kebenaran tuntutan dan tentang apa-apa perkara berkenaan dengannya. Tiada tuntutan di bawah Polisi ini akan dibayar melainkan terma-terma Syarat ini telah dipatuhi.

8. Apabila berlakunya apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana harta yang diinsuranskan oleh Polisi ini, Syarikat berkemungkinan:-
 - a. Memasuki dan mengambil dan memiliki bangunan atau premis tempat berlakunya kehilangan atau kerosakan.
 - b. Mengambil alih pemilikan atau meminta dihantar kepadanya mana-mana harta Pihak Diinsuranskan di dalam bangunan atau premis pada waktu kehilangan atau kerosakan.
 - c. Mengekalkan pemilikan mana-mana harta sedemikian dan memeriksa, mengasingkan, menyusun, memindah, atau sebaliknya melakukan perkara yang serupa
 - d. Menjual mana-mana harta sedemikian atau memberikan untuk akaun sesiapa yang berkenaan.

Kuasa yang dianugerahkan oleh Syarat ini boleh digunakan oleh Syarikat pada bila-bila masa sehingga notis secara bertulis diberikan oleh Pihak Diinsuranskan yang beliau tidak melakukan apa-apa tuntutan di bawah Polisi atau, jika tuntutan dilakukan, sehingga tuntutan sedemikian ditentukan kemudiannya atau ditarik balik, dan Syarikat tidak akan melalui apa-apa tindakan menggunakan atau bertujuan menggunakan kuasa tersebut menurut dokumen ini, menanggung apa-apa tanggungan kepada Pihak Diinsuranskan atau mengurangkan haknya untuk bergantung ke atas mana-mana syarat-syarat Polisi ini apabila menjawab apa-apa tuntutan.

Jika Pihak Diinsuranskan atau sesiapa sahaja bagi pihaknya akan tidak mematuhi dengan keperluan Syarikat atau akan menghambat atau menghalang Syarikat menjalankan kuasanya menurut dokumen ini, semua faedah-faedah di bawah Polisi ini akan dibatalkan.

Pihak Diinsuranskan tidak akan dalam apa keadaan sekali pun berhak untuk meninggalkan apa-apa harta kepada Syarikat sama ada pemilikannya diambil alih oleh Syarikat atau pun tidak.

9. Apabila berlakunya apa-apa kejadian yang berkemungkinan menyebabkan tuntutan di bawah Polisi ini, Pihak Diinsuranskan dengan seberapa segera memberikan notis dengan butiran penuh daripadanya kepada Syarikat. Setiap surat, tuntutan, writ, saman-saman dan proses akan diberitahu atau dipanjangkan dengan serta merta kepada Syarikat apabila diterima. Notis juga akan diserahkan kepada Syarikat dengan serta merta apabila Pihak Diinsuranskan mendapat maklumat tentang apa-apa inkues perundangan yang akan berlaku atau penyiasatan yang membawa kematian berhubung dengan apa-apa kejadian sedemikian.
10. Jika tuntutan tersebut dalam apa keadaan pun bersifat palsu, atau apa-apa pengisytiharaan palsu dilakukan atau digunakan untuk menyokongnya, atau jika apa-apa kaedah atau peralatan penipuan digunakan oleh Pihak Diinsuranskan atau sesiapa yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapatkan apa-apa faedah di bawah polisi ini; atau, jika kehilangan atau kerosakan dilakukan dengan sengaja, atau dengan kerjasama secara diam-diam oleh Pihak Diinsuranskan; atau, jika tuntutan tersebut dibuat dan ditolak dan suatu tindakan atau tindakan guaman tidak dimulakan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penolakan sedemikian, atau (dalam perkembangan pihak Penimbang tara mengambil tindakan melaksanakan Syarat ke 14 di dalam Polisi ini) dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pihak Penimbang tara atau Pengadilan telah membuat keputusan mereka, semua faedah di bawah Polisi ini akan dibatalkan.
11. Syarikat boleh, mengikut pilihannya memasang semula atau menggantikan harta yang rosak atau musnah, atau mana-mana bahagian daripadanya, daripada membayar jumlah kerugian atau kerosakan, atau bergabung dengan mana-mana Syarikat atau penanggung insurans-penanggung insurans lain untuk melakukannya; tetapi Syarikat tidak akan terikat untuk memasang semula seperti asal atau sepenuhnya, tetapi hanya sekadar dibenarkan keadaan dan secukup kewajarannya, dan tidak dalam apa keadaan pun Syarikat terikat untuk menambah lebih lagi kepada pemasangan semula daripada apa yang diperlukan untuk memasang semula harta sedemikian seperti keadaannya yang asal semasa berlakunya kerugian atau kerosakan tersebut, mahupun melebihi jumlah yang diinsuranskan oleh Syarikat padanya.

Jika Syarikat telah membuat keputusan untuk memasang semula atau menggantikan apa-apa harta, Pihak Diinsuranskan akan, dengan perbelanjaannya sendiri, melengkapkan Syarikat dengan pelan-pelan, spesifikasi-spesifikasi, ukuran-ukuran, kuantiti-kuantiti, dan butiran-butiran lain sedemikian yang diperlukan Syarikat, dan tiada apa-apa tindakan dilakukan atau disebabkan untuk dilakukan oleh Syarikat dengan pandangan terhadap pemasangan semula atau penggantian akan dianggap sebagai keputusan oleh Syarikat untuk memasang semula atau mengganti semula.

Jika dalam apa-apa keadaan Syarikat tidak akan berupaya untuk memasang semula atau menggantikan harta yang dengan ini diinsuranskan kerana undang-undang kerajaan tempatan atau syarat-syarat lain yang berkuat kuasa melibatkan penjarangan jalan, atau pembinaan bangunan-bangunan, atau sebaliknya, Syarikat akan, dalam setiap kes sedemikian, hanya bertanggungjawab untuk membayar jumlah sedemikian yang sepatutnya diperlukan untuk memasang semula atau memperbaiki harta sedemikian jika perkara yang sama boleh dilakukan untuk memasang semula ke keadaannya yang asal menurut undang-undang.

12. Pihak Diinsuranskan akan, dengan perbelanjaan Syarikat, melakukan dan bersetuju melakukan, semua tindakan dan perkara-perkara yang mungkin perlu dan sewajarnya diperlukan oleh Syarikat untuk tujuan menguatkuasakan apa-apa hak dan kaedah-kaedah pemulihan, atau mendapatkan bantuan dan perlindungan dari pihak-pihak lain yang mana Syarikat akan atau berkemungkinan menjadi berhak atau subrogasi, ke atas pembayarannya untuk atau usaha setimpalnya terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan di bawah Polisi ini, sama ada tindakan atau perkara sedemikian akan menjadi atau menjadi perlu atau diperlukan sebelum atau selepas pembayaran ganti ruginya oleh Syarikat.

13. Jika ketika timbul apa-apa tuntutan di bawah Polisi ini, terdapat penyaraan apa-apa Insurans atau Insurans-insurans lain, sama ada dibabitkan oleh Pihak Diinsuranskan atau oleh orang lain atau orang-orang lain, melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagian daripadanya, Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbangkan lebih daripada pembahagian perkadaran daripadanya.
14. Jika timbul apa-apa perbezaan terhadap jumlah apa-apa kerugian atau kerosakan, perbezaan sedemikian akan tanpa pembabitan persoalan lain dirujuk kepada keputusan Penimbang tara, yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang berbeza pendapat, atau, jika mereka tidak bersetuju dengan seorang Penimbang tara, akan diputuskan oleh dua orang yang tidak berkepentingan sebagai Penimbang tara-penimbang tara, yang mana setiap seorang akan dilantik oleh setiap pihak dalam tempoh dua (2) bulan setelah diminta secara bertulis oleh salah satu pihak. Sekiranya kedua-dua pihak akan menolak atau gagal melantik seorang Penimbang tara dalam tempoh dua (2) bulan selepas menerima notis bertulis permintaan pelantikan tersebut, pihak pertama akan bebas untuk melantik hanya seorang Penimbang tara; dan dalam keadaan tiada persetujuan di antara Penimbang tara-penimbang tara, perbezaan tersebut akan dirujuk kepada keputusan seorang Pengadil yang akan dilantik oleh mereka secara bertulis sebelum rujukan dilakukan, dan yang akan duduk bersama-sama Penimbang tara-penimbang tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka. Berlakunya kematian di mana-mana pihak tidak akan membatalkan atau menjejaskan kewibawaan atau kuasa Penimbang tara, Penimbang tara-penimbang tara atau Pengadil; dan jika berlakunya kematian Penimbang tara atau Pengadil, seorang yang lain dalam setiap kes akan dilantik menggantikan tempatnya oleh pihak yang terlibat atau Penimbang tara-penimbang tara (berdasarkan perkembangan kes) yang pada asalnya telah melantik Penimbang tara atau Pengadil yang telah kematian tersebut. Kos-kos rujukan dan award akan mengikut budi bicara Penimbang tara, Penimbang tara-penimbang tara atau Pengadil yang memutuskan award tersebut. Maka dengan ini ditetapkan dengan jelas dan diisytiharkan bahawa akan menjadi satu syarat kebiasaan terhadap apa-apa hak bertindak atau guaman ke atas Polisi ini yang award sedemikian oleh Penimbang tara, Penimbang tara-penimbang tara atau Pengadil terhadap jumlah untuk kerugian atau kerosakan jika dipertikaikan hendaklah didapatkan dahulu.
15. Dalam apa keadaan pun Syarikat tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kehilangan atau kerosakan selepas tamat tarikh tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kerugian atau kerosakan melainkan tuntutan tersebut tertakluk pada tindakan mahkamah atau arbitrase yang tertangguh.
16. Pematuhan sewajarnya dan penunaian terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan-pengendorsan Polisi ini selagi ia berkaitan kepada apa-apa apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak Diinsuranskan akan menjadi syarat-syarat kebiasaan kepada apa-apa perlindungan Syarikat untuk melakukan apa-apa pembayaran di bawah Polisi ini.

WARANTI PREMIUM

Adalah menjadi dasar dan syarat khas sepenuhnya kepada kontrak insurans ini bahawa premium yang sewajarnya mesti dibayar dan diterima oleh pihak penanggung insurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan sijil Polisi/Pengendorsan/pembaharuan ini.

Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka kontrak ini terbatal secara automatik dan pihak penanggung insurans akan berhak kepada premium kadar purata berdasarkan tempoh tanggungan risiko.

Bila mana premium yang perlu dibayar untuk melaksanakan waranti ini diterima oleh wakil yang diberi kuasa oleh pihak penanggung insurans, pembayaran tersebut akan dianggap diterima oleh pihak penanggung insurans untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab membuktikan premium yang perlu dibayar tersebut diterima oleh seseorang, termasuk wakil insurans yang tidak diberi kuasa untuk menerima pembayaran sedemikian akan terletak ke atas pihak penanggung insurans.

Tertakluk sebaliknya kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini.

FASAL PENGESAHAN TARIKH

Adalah dicatat dan dipersetujui bahawa Polisi ini dengan ini dipinda seperti berikut:-

- A. Syarikat tidak akan membayar untuk apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan kemampuan menggunakan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan tubuh), perbelanjaan yang berlaku atau apa-apa kerugian berakibatkan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada atau timbul daripada, kegagalan atau ketidakmampuan mana-mana komputer, peralatan pemprosesan data, cip mikro media, sistem operasi, mikropemproses (cip komputer), litar bersepadu atau peralatan serupa, atau mana-mana perisian komputer, sama ada kepunyaan Pihak Diinsuranskan atau pun tidak dan sama ada berlaku sebelum, semasa atau selepas tahun 2000 yang berkeputusan daripada kegagalan atau ketidakmampuan peralatan sedemikian dan/atau perisian seperti yang tersenarai di atas untuk:
 1. mengenal pasti dengan betul apa-apa tarikh sebagai tarikh kalendar yang sebenar;
 2. mendapatkan, menyimpan, atau mengekalkan dan/atau dengan betul memanipulasikan, mentafsirkan atau memproses apa-apa data atau maklumat atau arahan sebagai akibat memperlakukan apa-apa tarikh sebagai tarikh kalendar yang sebenar; dan/atau
 3. mendapatkan, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul apa-apa data sebagai akibat operasi apa-apa arahan yang telah diprogramkan ke dalam mana-mana perisian komputer, yang mana arahan tersebut menyebabkan kehilangan data atau ketidakmampuan untuk mendapatkan, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul apa-apa data pada atau selepas apa-apa tarikh.
- B. Adalah selanjutnya difahami bahawa Syarikat tidak akan membayar untuk pembaikan atau pengubahsuaian apa-apa bahagian apa-apa peralatan elektronik sistem pemprosesan data atau apa-apa bahagian peralatan dan/atau perisian seperti senarai di dalam A di atas.

- C. Adalah selanjutnya difahami bahawa Syarikat tidak akan membayar untuk apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan kemampuan menggunakan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan tubuh), perbelanjaan yang berlaku atau apa-apa kerugian berakibatkan secara langsung atau tidak langsung timbul daripada mana-mana peralatan, perundingan, reka bentuk, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, baik pulih atau penyeliaan yang dilakukan oleh Pihak Diinsuranskan atau untuk Pihak Diinsuranskan atau oleh atau untuk pihak lain menentukan, meminda atau menguji, apa-apa potensi atau kegagalan sebenar, pincang tugas atau kekurangan yang dijelaskan di dalam A di atas.
- D. Adalah selanjutnya difahami bahawa Syarikat tidak akan membayar untuk apa-apa kerugian atas akibat yang disebabkan daripada ketidakmampuan yang berterusan komputer atau peralatan yang dijelaskan di dalam A di atas untuk mengenal pasti dengan betul apa-apa tarikh sebagai tarikh kalendar yang sebenar selepas kehilangan atau kerosakan harta tersebut telah diganti atau diperbaiki.

Kerugian atau kerosakan sedemikian, kecederaan (termasuk kecederaan tubuh), perbelanjaan yang berlaku atau apa-apa kerugian yang berakibat yang dirujuk di dalam A, B, C atau D di atas, tidak dimasukkan tanpa mengira apa-apa sebab lain yang secara serentak menyumbang atau secara berturut kepada masalah yang sama.

PENGENDORSAN TIDAK MEMASUKKAN KEGANASAN

Meski pun bertentangan dengan apa-apa peruntukan dalam lingkungan insurans ini atau apa-apa pengendorsan padanya, adalah dipersetujui bahawa insurans ini tidak memasukkan kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam apa bentuk sekali pun secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau berkaitan dengan apa-apa perlakuan keganasan tanpa mengambil kira apa-apa sebab lain atau kejadian yang serentak atau dalam apa-apa urutan menyumbang kepada kerugian tersebut.

Untuk tujuan pengendorsan ini, tindakan keganasan bermakna satu perlakuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan daripadanya, terhadap seseorang atau kumpulan (kumpulan-kumpulan) orang, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi (organisasi-organisasi) atau kerajaan (kerajaan-kerajaan), komited untuk tujuan politik, keagamaan, ideologi atau tujuan yang sama termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk menakutkan masyarakat atau mana-mana bahagian masyarakat.

Pengendorsan ini juga tidak memasukkan kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam apa bentuk sekali pun secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau berkaitan dengan apa-apa perlakuan untuk mengawal, mencegah, menumpaskan atau dalam apa-apa kaedah berkaitan dengan apa-apa tindakan keganasan.

Jika Syarikat mengatakan bahawa dengan alasan tidak memasukkan ini, apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh insurans ini, tanggungjawab membuktikan sebaliknya akan dipikul oleh Pihak Diinsuranskan.

Dalam perkembangan mana-mana bahagian pengendorsan ini didapati tidak sah atau boleh dikuat kuasakan, selebihnya akan terus berkuat kuasa dan sah.

FASAL PENJELASAN KEROSAKAN HARTA

Kerosakan harta yang dilindungi di bawah Polisi ini akan bermaksud kerosakan fizikal bahan harta tersebut.

Kerosakan fizikal terhadap bahan harta tidak akan termasuk kerosakan terhadap data atau perisian, khususnya apa-apa perubahan data yang menjejaskan, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemotongan, pereputan atau kecacatan bentuk pada struktur asal.

Akibat daripada itu, perkara-perkara berikut tidak dimasukkan di dalam Polisi:-

- A. Kehilangan atau kerosakan pada data atau perisian, tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan yang menjejaskan data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemotongan, pereputan atau kecacatan bentuk pada struktur asal dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kehilangan atau kerosakan sedemikian. Meski pun adanya fasal ini, kerugian atau kerosakan kepada data atau perisian yang berakibat langsung daripada kerosakan bahan fizikal harta yang diinsuranskan akan dilindungi.
- B. Kerugian atau kerosakan akibat daripada fungsi kemampuan yang berkurangan, unjuran penggunaan atau kemudahan mendapatkan data, perisian atau program komputer dan kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kehilangan atau kerosakan sedemikian.

MENGEMUKAKAN ADUAN DAN RUNGUTAN

Jika pemegang Polisi mempunyai apa-apa aduan terhadap amalan perniagaan tidak adil oleh Syarikat, mereka boleh menelefon atau menulis kepada:

- a) **Customer Complaints Unit / Unit Aduan Pelanggan
Liberty Insurance Berhad,**
Tingkat 10, Menara Liberty
1008, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur
No Telefon : 03-2619 9000 (G/L) Ext. 9170 or 1-300-888-990
No. Faksimili : 03-2693 2893

- b) **Customer Services Bureau (CSB)
Consumer and Market Conduct Department
Biro Perkhidmatan Pelanggan (BPP)**
Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran, 7A Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel. No.: 03-2698 8044
Fax No.: 03-2694 5986

- c) **Ombudsman for Financial Services (664393P)/
Biro Pengantaraan Kewangan (664393P)**
(Formerly known as Financial Mediation Bureau)
Tingkat 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,
4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel. No.: 03-2272 2811
Fax No.: 03-2272 1577